05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID INDIA TAMIL KELAS PERALIHAN: KELEMAHAN DAN CARA MENGATASI

R. SIVANANTHAN A/L V. RAMASAMY @ RAMIAH

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAPORAN PROJEK SARJANA INI DIKEMUKAKAN
BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID INDIA TAMIL KELAS PERALIHAN: KELEMAHAN DAN CARA MENGATASI

Kajian tinjauan ini bertujuan menentukan aspek kelemahan yang seringkali dibuat oleh murid Kelas Peralihan semasa menghasilkan esei jenis gambaran. Seramai 30 orang murid India Tamil dari SMK Menglembu, Ipoh telah dipilih menjadi sampel kajian. Pengkaji ingin meninjau tahap kebolehan murid dalam penulisan karangan jenis imaginasi. Tahap kebolehan murid menghasilkan bahan karangan dilihat berdasarkan kecekapan berbahasa Melayu, isi dan pengolahannya. Pengkaji ingin mengenal pasti faktor yang menjadikan murid lemah dalam penguasaan kemahiran menulis, meninjau sejauh manakah aktiviti membaca, mendengar rancangan televisyen dalam bahasa Melayu dan gred keputusan karangan lalu mempengaruhi tahap penulisan esei. Semua responden diminta mengisi lengkap borang soal selidik dan seterusnya menghasilkan karangan jenis gambaran berpandu kepada tajuk yang disediakan oleh pengkaji sendiri.

Karangan dan soal selidik dianalisis untuk menjawab soalan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa murid lemah dalam penulisan karangan. Markah purata sampel kajian bagi kebolehan secara keseluruhan adalah sebanyak 18.3%, manakala kebolehan dari segi penyampaian isi adalah 4.67%, dan kebolehan penguasaan bahasa cuma 13.21%. Kesemuanya dalam tahap lemah kecuali aspek penyampaian isi pada tahap sangat lemah. Beberapa aspek kelemahan yang dilakukan oleh sampel dikenal pasti antaranya ialah; kelemahan bahasa, kelemahan teknik mengarang, kelemahan isi, dan kelemahan dalam tulisan. Kajian ini menunjukkan bahawa pendedahan murid terhadap bahan bacaan dan media elektronik berbahasa Melayu dapat membantu menghasilkan karangan pada tahap yang lebih baik berbanding dengan murid yang kurang pendedahan terhadap bacaan berbahasa Melayu. Pada akhir kajian, pengkaji ada mengemukakan cadangan untuk mengatasi kelemahan dalam kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid India Tamil Kelas Peralihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPD DONE MyTO SCAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

WRITING SKILLS FOR *BAHASA MELAYU* ESSAY AMONG STUDENTS OF INDIAN TAMIL ORIGIN STUDYING IN REMOVE CLASS: WEAKNESSES AND SOLUTIONS

The aim of this investigation is to scrutiny the aspects of weaknesses made by Remove Class students while writing descriptive essays. A total of 30 Tamil Remove Class pupils were surveyed as samples for this study. Students from SMK Menglembu, Ipoh were taken as samples for this study. The researcher wishes to gauge the students ability level to write descriptive essays which in total, covers the areas of language competence, point relevance, as well as the overall presentation of the essay in Malay language. Factors leading to why students normally weak in the mastery of the writing skills are identified. Other factors to be considered are the extend of reading among the samples, how much do they follow the Malay electronic media and whether the previous results for the essay writing influences the ability level of the students in writing essays. All samples were made to write a descriptive essay and to complete the questionaires which were prepared by the researcher.

Datas of the essay and the questionaires were analyzed and interpreted to fulfill the survey questions. It is comprehended that students were generally weak in writing essays. The average marks obtained by the samples for overall achievement were 18.3% whereas achievements in terms of presentations of points were at 4.67% and for competence of the language were at 13.21%. All were categorized under the below average level. Aspects of weaknesses shown by the samples were identified, that is language incompetence, weak writing techniques, weak points and difficulty in comprehending what was written. This study also shows that if students are exposed to reading materials and electronical media in Malay language, this would help them to produce essays of a better quality compared to students who try to overcome this problem without such language competency exposure.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka surat
PENGAKUAN (B.M.)		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI RUJUKAN		viii
SENARAI JADUAL		ix
SENARAI RAJAH		x
SENARAI SINGKATAN		x
BAB I:	**PENDAHULUAN**	
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Permasalahan Kajian	6
	1.3 Tujuan Kajian	7
	1.4 Soalan Kajian	8
	1.5 Kepentingan Kajian	8
	1.6 Batasan Kajian	11
	1.7 Definisi Istilah	11
	1.7.1 Kemahiran Menulis	11
	1.7.2 Faktor	12
	1.7.3 Murid	12
	1.7.4 Karangan	12
	1.7.5 Bahasa Pertama	13
	1.7.6 Bahasa Kedua	15
BAB II	**TINJAUAN LITERATUR**	
	2.0 Pengenalan	17
	2.1 Literatur Berkaitan	17
	2.1.1 Konsep Kemahiran Menulis	17
	2.1.2 Konsep Karangan Jenis Gambaran	22
	2.1.3 Kaitan Teori Behavioris dengan Kemahiran Menulis	24
	2.1.4 Model Kajian	26
	2.1.5 KWHL Model Frayer	29
	2.1.6 Ciri-ciri Sebuah Karangan Yang Lengkap	30
	2.2 Kajian Berkaitan	37
	2.3 Pengajaran Menulis Melalui Pendekatan Proses	48
	2.4 Kesimpulan	53

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB III KAEDAH KAJIAN

3.0 Pengenalan 54
3.1 Reka Bentuk Kajian 54
3.2 Populasi dan Sampel Kajian 55
3.2.1 Pewajaran Pemilihan Sampel Kajian 56
3.3 Alat Kajian 56
3.3.1 Tajuk Karangan 57
3.3.2 Ujian Penulisan Karangan Bahasa Melayu 57
3.3.3 Pemilihan Karangan sebagai Alat Kajian 58
3.3.4 Soal Selidik 59
3.3.5 Praujian 60
3.3.6 Kaedah Temu Bual 60
3.4 Prosedur Pengumpulan Data 60
3.4.1 Atur Cara Sebelum Penyelidikan 61
3.4.2 Atur Cara Semasa Kajian 61
3.4.3 Atur Cara Selepas Kajian 62
3.5 Prosedur Penganalisisan Data 64
3.5.1 Analisis Deskriptif 64
3.5.1.1 Analisis Deskriptif: Ujian Penulisan Karangan 65
3.5.1.2 Analisis Deskriptif : Soal Selidik Murid 66
3.5.2 Analisis Statistik 66

BAB IV DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan 69
4.2 Perihalan Sampel 69
4.3 Keputusan Kajian 70
4.4 Kesimpulan 99

BAB V RUMUSAN

5.0 Kesimpulan 101
5.1 Rumusan Aspek Kelemahan 102
5.2 Rumusan Tentang Masalah Yang Kerap Dihadapi Oleh Murid Dalam Penulisan Karangan 106
5.3 Cadangan Ke Arah Mengatasi Kelemahan Menulis Karangan Dalam Kalangan Murid India Kelas Peralihan 107
5.4 Rumusan Model Kajian 108
5.5 Langkah Mengatasi Masalah Penulisan 109
5.5.1 Pengajaran Pemulihan 113
5.5.2 Penggunaan Petikan Sebagai Bahan Rangsangan 113
5.6 Cadangan Kajian Lanjut 117
5.7 Penutup 118

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RUJUKAN

Surat Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan
Lampiran A Kertas Ujian Penulisan Karangan Bahasa Melayu
Lampiran B Soal Selidik Murid
Lampiran C Contoh-Contoh Karangan Pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.1	Analisis Keputusan Peperiksaan Awal Tahun 2010 Kelas Peralihan (SMK Menglembu, Ipoh)	5
1.2	Analisis Keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2010 Kelas Peralihan (SMK Menglembu, Ipoh)	6
1.3	Bahasa Pertama	14
1.4	Bahasa Kedua	15
3.1	Taburan Sampel Kajian	55
3.2	Pembahagian Sampelan Menurut Jantina	56
3.3	Tahap Kebolehan Murid Secara Keseluruhan	63
3.4	Tahap Kebolehan Pelajar Dari Segi Pengolahan Isi	63
3.5	Tahap Kebolehan Pelajar Dari Segi Penguasaan Bahasa	64
4.1	Status Sosioekonomi Bagi Sampel Kajian	70
4.2	Tahap Kebolehan Murid	71
4.3	KA 1: Pengaruh Bahasa Pasar	76
4.4	KA 2: Pola Ayat Yang Salah Daripada Segi Makna	76
4.5	KA 3: Struktur Bahasa Tamil	77
4.6	KE 1: Kesalahan Ejaan Yang Dipengaruhi Oleh Bahasa Melayu Lisan	78
4.7	KE 2: Kesalahan Ejaan Yang Tidak Tepat Dipengaruhi Oleh Kecuaian Murid	78
4.8	KE 3: Ejaan Yang Tidak Tepat Tetapi Hanya Dapat Diketahui Maksud Melalui Konteks Ayat	79
4.9	KK 1: Kesalahan Penggunaan Kata Yang Tidak Tepat	80
4.10	KK 2: Kesalahan Penggunaan Kata Bahasa Melayu Lisan	80
4.11	KK 3: Penterjemahan Perkataan Bahasa Tamil Secara Langsung	73
4.12	KK 4: Kesalahan Penggunaan Kata Dari Segi Semantik	81
4.13	KI 1: Mengabaikan Penggunaan Imbuhan	82
4.14	KI 2: Penyalahgunaan Imbuhan	82
4.15	HB 1: Tidak Menggunakan Huruf Besar Bagi Perkataan Pertama Dalam Ayat Baharu	83
4.16	HB 2: Nama Khas Yang Tidak Dimulakan Huruf Besar	83
4.17	HB 3: Menggunakan Huruf Besar Pada Tempat Yang Tidak Memerlukannya	84
4.18	Kesalahan Dalam Penggunaan Tanda Baca	84
4.19	Jenis-Jenis Masalah Yang Penulisan Karangan (Berdasarkan Respons Dalam Soal Selidik Murid)	91
4.20	Masalah Yang Dihadapi Oleh Murid Semasa Menulis Karangan Bahasa Melayu (Komen Guru)	93
4.21	Pendedahan Murid Terhadap Bahan Bacaan, Rancangan Televisyen, dan Siaran Radio Berbahasa Melayu (Kumpulan Tahap Sederhana)	95

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.22	Pendedahan Murid Terhadap Bahan Bacaan, Rancangan Televisyen, dan Siaran Radio Berbahasa Melayu (Kumpulan Tahap Lemah & Sangat Lemah)	96

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Penghasilan Karya Penulisan	21
2.2	Kaitan Teori Behavioris Dengan Kemahiran Menulis	26
2.3	Model Kajian	28
2.4	KWHL Model Frayer	30
2.5	Binaan Karangan Sebagai Wacana	33
2.6	Karangan Berfokus	34
2.7	Aktiviti Dalam Peringkat Proses Menulis	50
3.1	Model Pengumpulan dan Penganalisisan Data Penyelidikan	68
4.1	Pertalian antara Penulisan dan Bahan Bacaan	74
5.1	Rumusan Model Kajian	108

SENARAI SINGKATAN

ABM	Amalan Bahasa Malaysia
B1	Bahasa Pertama
B2	Bahasa Kedua
HB	Kesalahan Huruf Besar
KA	Kesalahan Ayat
KE	Kesalahan Ejaan
KI	Kesalahan Penggunaan Imbuhan
KK	Kesalahan Penggunaan Kata
KBKK	Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kumpulan Pelajar Melayu
KPBM	Kumpulan Pelajar Bukan Melayu
P&P	Proses Pengajaran dan Pembelajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SRK	Sekolah Rendah Kebangsaan
SJK(C)	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJK(T)	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMJK	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TESL	*Teaching of English as a Second Language*
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Penuntut Kelas Peralihan India Tamil ialah golongan murid yang masuk ke sekolah menengah dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK(T)). Pada peringkat sekolah rendah, kalangan murid ini mengikuti semua mata pelajaran dalam bahasa pengantar bahasa Tamil kecuali Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Ini bermaksud peranan bahasa Melayu sebagai alat menyampaikan ilmu pengetahuan dan mendukung fungsinya sebagai bahasa akademik tidak dapat dimajukan di sekolah vernakular. Bagaimanapun, Bahasa Melayu wajib dipelajari sebagai satu mata pelajaran. Ini bersesuaian dengan syor Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, perenggan 12 yang mengesyorkan jenis sekolah SMJK dan sekolah-sekolah menengah yang demikian ini bahasa Melayu dan Inggeris wajib diajar (2005: 20).

Murid-murid SJK (T) yang mencapai kelulusan Bahasa Melayu di bawah tahap penguasaan minimum, iaitu tidak memperoleh Gred C dalam kedua-dua peperiksaan Penulisan dan Bahasa Melayu atau setakat memperoleh gred D dan gred E dalam mata pelajaran tersebut dalam UPSR akan ditempatkan di Kelas Peralihan selama setahun. Kumpulan murid ini mengikuti semua mata pelajaran dalam Bahasa Melayu kecuali mata pelajaran Bahasa Inggeris dan bahasa Tamil. Rasional penempatan murid dalam program

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelas Peralihan adalah untuk memberi pendedahan meluas kepada mereka dari SJK (T) supaya mereka dapat bersedia mengikuti semua mata pelajaran dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar bermula Tingkatan 1. Kelas Peralihan merupakan tahap transisi bagi murid-murid yang datangnya dari SJK (T) untuk menguasai Bahasa Melayu selengkapnya sebagai bahasa pengantar utama bagi semua mata pelajaran kecuali mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik yang telah diajar dalam bahasa Inggeris sejak tahun 2003.

Pelaksanaan KBSM menampakkan penuntut Kelas Peralihan mengikuti mata pelajaran Bahasa Melayu secara intensif dengan jumlah waktu yang lebih banyak. Jumlah masa sebanyak 490 minit diperuntukkan untuk mata pelajaran Bahasa Melayu yang dimuatkan dalam 14 waktu seminggu. Selain mata pelajaran Bahasa Melayu, kalangan murid ini perlu mengambil mata pelajaran Amalan Bahasa Malaysia (ABM) yang menekankan aplikasi bahasa Melayu dalam mata pelajaran yang lain. Sejajar dengan matlamat dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia bagi Kelas Peralihan, rancangan Kelas Peralihan adalah untuk mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu. Murid-murid dapat meningkatkan kebolehan berkomunikasi dengan berkesan sebagai persediaan mengikuti alam pendidikan di sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar (1988: 1).

Pernyataan di atas cukup jelas, iaitu matlamat mata pelajaran Bahasa Melayu adalah untuk melengkapi dan meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid yang berasal dari SJK (T). Ekoran daripada itu, kursus mata pelajaran Bahasa Melayu menekankan pengukuhan dan peningkatan taraf kecekapan berbahasa dengan memberi perhatian lebih terhadap 3M yang menjadi akronim kepada kemahiran mendengar, membaca dan menulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek bertutur dan penggunaan nahu yang baik tidak terpisah tatkala usaha diambil untuk meningkatkan kecekapan berbahasa.

Dari segi penulisan, objektif pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Kelas Peralihan adalah untuk membolehkan murid-murid:

i. Melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kritis dan kreatif serta berkesan dalam pelbagai situasi.

ii. Memperkembangkan kekuatan imaginasi, kreativiti, pemikiran kritis, dan penghayatan nilai murni melalui aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis (2003: 2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Objektif di atas dikira amat berkesan dan sesuai untuk membolehkan murid-murid Kelas Peralihan menguasai kecekapan berbahasa Melayu yang asas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu selain menguasai kemahiran asas membaca, mendengar, dan bertutur. Bahasa Melayu dalam KBSM adalah berasaskan kaedah penggabungjalinan bagi mencapai tahap kebolehan berbahasa yang tinggi. Melalui gabung jalin, pengajaran seseorang guru harus membabitkan empat unsur, iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis.

Proses pengajaran dan pembelajaran penulisan bahasa Melayu memerlukan kemahiran guru, khususnya dalam proses dan tindak balas bahan yang disampaikan dalam pengajaran di bilik darjah. Lantaran itu, guru seharusnya cekap melaksanakan proses pengajaran, berkongsi pengetahuan dan kemahiran. Peningkatan taraf komunikasi murid dalam penulisan hanya akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilihat berlaku sekiranya mereka terlibat secara langsung dan aktif dalam suasana pembelajaran yang menggalakkan pertumbuhan kebolehan penulisan mereka (Roselan Baki: 2003).

Meskipun objektif P&P Bahasa Melayu Kelas Peralihan diturunkan sebegitu jelas, namun pada hakikatnya prestasi murid-murid Kelas Peralihan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu masih tidak memuaskan. Kenyataan ini terbukti benar apabila pengkaji membandingkan analisis keputusan Peperiksaan Awal Tahun 2010 dan analisis Peperiksaan Pertengahan Tahun 2010 di sekolah SMK Menglembu, Ipoh bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dengan pencapaian mata-mata pelajaran yang lain, ternyata jelas pencapaian Bahasa Melayu mendukacitakan. Peratus kelulusan Bahasa Melayu mencatatkan angka 63.1% bagi Peperiksaan Awal Tahun, manakala peratus kelulusan Bahasa Melayu bagi Peperiksaan Pertengahan Tahun merosot kepada 52.5%. Ini bermakna sebanyak 47.5% murid gagal dalam Bahasa Melayu dalam Peperiksaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pertengahan Tahun. Pencapaian cemerlang dalam Peperiksaan Awal Tahun hanya 6.8% manakala 4.95% murid cemerlang dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2010. Peratus kelulusan bagi Peperiksaan Pertengahan Tahun menjunam 10.6%. Harus diingat bahawa cuma 20 orang murid mencapai gred C (markah lulus 50-64%) dalam Peperiksaan Pertengahan. Daripada 106 murid, sebanyak 72 orang mencapai gred D (40-49%) dan gred E (0-39%) dalam Peperiksaan Pertengahan. Dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun, mata pelajaran Bahasa Melayu mencatatkan kelulusan yang paling rendah jika dibandingkan dengan mata-mata pelajaran yang lain. Keadaan ini dapat dibuktikan daripada maklumat yang tercatat dalam Jadual 1.1 dan Jadual 1.2 seperti yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1: Analisis Keputusan Peperiksaan Awal Tahun 2010 Kelas Peralihan SMK Menglembu, Ipoh

Mata Pelajaran	Gred A	B	C	D	E	Jumlah Lulus	Tidak Hadir	Jumlah Pelajar	Peratus Lulus
Bahasa Melayu	7	15	23	20	38	65	4	107	63.1
ABM	4	20	33	17	28	74	5	107	72.5
Bahasa Inggeris	0	1	16	19	67	36	4	107	35.0
Bahasa Cina	4	22	26	12	23	64	1	88	73.6
Pendidikan Seni	0	18	22	3	5	43	0	107	89.6

Jadual 1.2: Analisis Keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2010 Kelas Peralihan SMK Menglembu, Ipoh

Mata Pelajaran	Gred A	B	C	D	E	Jumlah Lulus	Tidak Hadir	Jumlah Pelajar	Peratus Lulus
Bahasa Melayu	5	9	20	24	48	53	5	106	52.5
ABM	2	10	27	25	39	64	3	106	62.1
Bahasa Inggeris	3	15	27	16	41	61	4	106	59.8
Bahasa Cina	0	9	31	20	28	60	1	89	68.2
Pendidikan Seni	0	7	30	4	7	41	0	48	85.4

Petunjuk Gred: A : 85-100% D : 40-49%
B : 70-84 % E : 0-39 %
C : 50-69 %

Sumber : Laporan Prestasi Akademik SMK Menglembu, Ipoh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Permasalahan Kajian

Setelah 53 tahun negara Malaysia mencapai kemerdekaan, Kelas Peralihan, iaitu kelas khas untuk murid-murid lemah dalam Bahasa Melayu dari SJK(T) wujud hampir di setiap sekolah menengah. Kelas tersebut diadakan untuk menyediakan murid-murid mengikuti pendidikan formal di sekolah menengah rendah (Tingkatan 1, 2, dan 3) dan seterusnya di sekolah menengah atas (Tingkatan 4 dan Tingkatan 5) dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Persoalannya, mengapakah selepas 53 tahun negara kita merdeka dan bahasa Melayu sudah pun lama dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita, namun masih ada lagi murid-murid India yang berasal dari SJK (T) lemah dalam Bahasa Melayu? Hakikat ini terbukti benar apabila pengkaji mendapati peratus kelulusan yang rendah kertas penulisan bagi murid Kelas Peralihan dalam Peperiksaan Awal Tahun dan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2010 di SMK Menglembu, Ipoh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan laporan prestasi akademik SMK Menglembu, kita dapat membuat satu penilaian bahawa prestasi penulisan karangan dalam kalangan murid Kelas Peralihan bagi Peperiksaan Awal Tahun dan Pertengahan Tahun 2010 adalah tidak menggalakkan. Hal ini demikian kerana dalam Peperiksaan Awal Tahun, cuma 42% murid lulus dalam penulisan. Dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun, peratus kelulusan dalam penulisan cuma 10.4%. Ini bermakna sebanyak 58% murid gagal dalam penulisan dalam Peperiksaan Awal Tahun dan sebanyak 89.6% murid tidak lulus dalam aspek penulisan karangan dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun. Keadaan ini dengan sendirinya menggagalkan objektif Kementerian Pendidikan Malaysia (2003: 62). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kelas Peralihan* Tahun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2003 antara lain menggariskan objektif menjana keupayaan murid menulis perkataan dan ayat, dan mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan. Penulisan tersebut hendaklah menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul. Hasil penulisan itu digalakkan jelas berangkai.

Menyedari takuk pencapaian murid-murid Kelas Peralihan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah rendah, maka pengkaji rasa terpanggil untuk mengkaji antara aspek kelemahan yang dihadapi oleh murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (B2), khususnya dalam aspek penulisan esei Bahasa Melayu. Untuk menyempurnakan kertas projek ini, maka tajuk yang akan saya kaji ialah: "*Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid India Tamil Kelas Peralihan*". Kajian ini khususnya untuk murid-murid India Tamil Kelas Peralihan yang sedang belajar di dua kelas SMK Menglembu, Ipoh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Tujuan Kajian

Kajian tinjauan ini bertujuan:

1. Mengukur tahap kebolehan murid Kelas Peralihan dalam penulisan karangan jenis gambaran dari segi penyampaian isi, dan dari segi kecekapan berbahasa.
2. Mengenal pasti aspek-aspek kelemahan yang dilakukan oleh murid Kelas Peralihan ketika menulis karangan jenis gambaran.
3. Mengenal pasti masalah-masalah yang sering dilalui murid dalam penulisan karangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Meninjau sama ada faktor aktiviti membaca dan gred keputusan penulisan karangan yang lalu mempengaruhi tahap kebolehan murid dalam penulisan karangan.
5. Menyarankan langkah-langkah berpada untuk mengurangi kelemahan murid-murid Kelas Peralihan dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan kajian, empat soalan kajian utama telah dibentuk, iaitu:

1. Apakah tahap kebolehan murid Kelas Peralihan dalam menulis karangan jenis gambaran?
2. Apakah aspek-aspek kelemahan yang dilakukan oleh murid Kelas Peralihan ketika menulis karangan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Apakah masalah-masalah yang kerap dihadapi oleh murid dalam penulisan karangan?
4. Sejauh manakah aktiviti membaca dan mengikuti siaran media berbahasa Melayu, serta gred keputusan penulisan karangan yang lalu mempengaruhi tahap kebolehan murid dalam menulis karangan?

1.5 Kepentingan Kajian

Kemahiran menulis karangan ditinjau berdasarkan kemahiran komunikasi antara murid dan guru sangat penting. Murid dapat mengenal pasti kelemahan mereka dalam bidang penulisan dan dapat berusaha mengatasi masalah berkaitan. Seterusnya murid-murid memperbaiki mutu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penulisan karangan di samping menyediakan diri menghadapi peperiksaan umum. Penulisan karangan telah menggunakan format baharu bermula dari tahun 2008 berdasarkan Pekeliling Pindaan dalam Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah bagi Sukatan Pelajaran Tingkatan 3. Jadi, dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah terdapat satu soalan karangan berdasarkan bahan rangsangan dan satu soalan karangan respons terbuka yang wajib dijawab oleh murid-murid. Soalan karangan berdasarkan bahan rangsangan dimasukkan di bahagian B dan karangan respons terbuka dalam Bahagian C Kertas 2 Bahasa Melayu PMR.

Di samping itu, kajian ini penting untuk membekalkan maklumat tentang perlakuan dan proses mengarang murid-murid Kelas Peralihan untuk dijadikan hala tuju dalam perancangan pedagogi. Perancangan berkaitan kemahiran menulis karangan perlu berlandaskan perlakuan dan proses yang dilalui oleh penulis. Murray (1968: 1) menyatakan ragam seorang penulis berjaya menghasilkan penulisan hendaklah didedahkan kepada murid-murid. Seseorang tidak mungkin meneroka bagaimana penulis bekerja menghasilkan karya penulisannya hanya melalui bacaan halaman yang disempurnakannya. Seseorang itu perlu memerhatikan gelagat penghasilan bahan penulisan untuk mendedahkan murid-murid kepada proses penulisan sebagaimana dilakukan oleh penulis yang berjaya.

Dalam pengajaran di lapangan bilik darjah, umumnya kaedah mengarang secara tertib kurang diberi penekanan. Kebanyakan guru membincangkan isi penting sesuatu tajuk dan kemudian meminta murid menulis karangan lengkap. Jarang-jarang sekali ditemukan guru yang membimbing anak murid secara bertahap untuk menghasilkan karangan yang berkualiti. Menurut Abdul Hamid Mahmood, akibat penguasaan bahasa baku yang bererti kebolehan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menguasai semua aspek kebahasaan, termasuklah aspek sebutan, ejaan, istilah, tatabahasa dan kosa kata dilihat dalam konteks murid-murid Kelas Peralihan, didapati ramai yang menghadapi pelbagai masalah dalam penguasaan bahasa Malaysia baku (2002: 104).

Kajian ini khusus tertumpu pada kemahiran penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid Kelas Peralihan India Tamil yang sedang mengikuti pendidikan formal di sekolah menengah kebangsaan kerajaan. Hasil daripada kajian ini, pengkaji berharap agar dapat membantu guru untuk mengenali aspek-aspek kelemahan yang biasa dilakukan oleh golongan murid tersebut ketika mereka menulis karangan Bahasa Melayu dan seterusnya guru dapat membina bahan pemulihan dan latihan yang sesuai dengan tahap murid bagi mengurangi kelemahan yang dilakukan oleh anak didik mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil daripada kajian ini berguna kepada pihak sekolah untuk merangka strategi yang berkesan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid-murid, khasnya dari keturunan India Tamil dalam usaha penghasilan karangan bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini cukup berguna bagi membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu kumpulan sasaran pelajar sedemikian. Mereka yang tidak tahu berbahasa Melayu akan menghadapi masalah kerana semua murid wajib mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah dan untuk lulus cemerlang, mereka perlu lulus mata pelajaran tersebut terlebih dahulu.

Sememangnya kajian ini turut berguna kepada penulis buku teks dan buku aktiviti Bahasa Melayu peringkat Kelas Peralihan, khususnya dalam aspek penulisan karangan Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji membatasi tinjauan ke atas murid yang sedang belajar dalam Kelas Peralihan seramai 30 orang. Bidang kajian pengkaji terbatas dalam penulisan karangan jenis gambaran atau imaginasi. Fokus kajian pengkaji adalah untuk melihat kelemahan-kelemahan yang dilakukan oleh murid-murid dalam aspek isi dan bahasa ketika mereka menulis karangan. Sampel kajian terdiri daripada 2 Kelas Peralihan yang sedang mengikuti pendidikan formal di SMK Menglembu, Ipoh. Alat kajian yang digunakan ialah penulisan karangan jenis gambaran, soal selidik, dan kaedah temu bual dengan guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Kelas Peralihan kedua-dua kelas berkaitan.

1.7 Definisi Istilah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menggunakan beberapa istilah dan konsep yang terdiri daripada kata-kata teknikal untuk menyampaikan maksud tertentu, selaras dalam matlamat kajian dengan memberi definisi istilah, seperti berikut:

1.7.1 Kemahiran Menulis

Penulisan merupakan satu ciptaan dan serlahan pengucapan lisan untuk membicarakan sesuatu hal dan kejadian. Menurut *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Kelas Peralihan* (2003: 62), kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat, dan mengeluarkan idea melalui **pelbagai jenis penulisan**. Ini termasuk penulisan tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengalaman peribadi yang telah dilalui, bahan fiksyen serta bahan berkaitan sesuatu bidang ilmu. Penulisan hendaklah menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca, dan ejaan yang betul. Tulisan berangkai yang jelas dan cantik digalakkan. Menurut *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Kelas Peralihan,* hasil pembelajaran bagi kemahiran menulis ialah;

(i) menggunakan pelbagai jenis ayat dan wacana,

(ii) mencatat dan menyusun maklumat,

(iii) menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif, dan

(iv) membuat ulasan.

1.7.2 Faktor

Punca dan penyebab yang menjadi mempengaruhi dan mendorong meminati pelajaran bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 Murid

Yang dimaksudkan dengan murid dalam konteks penyelidikan ini ialah peserta kajian yang sedang belajar sebagai penuntut pelajaran bahasa Melayu di Kelas Peralihan.

1.7.4 Karangan

Menurut Za'ba (1965), karangan merupakan hasil daripada kepandaian atau kemahiran menggubah atau menyusun kata-kata untuk dijadikan rangkai kata dan seterusnya untuk dijadikan ayat. Beliau menegaskan bahawa sesebuah karangan mengandungi ayat-ayat yang telah digubal atau disusun untuk dijadikan cerita, laporan, dan penerangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Awang Sariyan (2007: 20), karangan merupakan wacana, iaitu kesatuan buah fikiran atau penyataan yang disusun secara logis dan berkaitan antara satu dengan yang lain. Karangan terbina daripada beberapa perenggan. Perenggan ini tidak dibentuk semata-mata untuk memudahkan pembacaan, tetapi amat berkaitan dengan satu kesatuan fikiran. Setiap perenggan perlu berisi satu pecahan tema tertentu yang menjadi fokus karangan itu keseluruhannya.

Roselan Baki (2003) menekankan bahawa proses penulisan ialah penciptaan individu. Murid-murid perlu mendisiplinkan diri kerana penulisan melibatkan pemusatan dan ketenangan fikiran. Dari segi pelaksanaan kandungan dalam pengajaran penulisan, menurutnya, guru telah bersepakat bahawa pengajaran penulisan perlu dibahagikan kepada tiga fokus utama, iaitu bahagian pengenalan, isi kandungan dan penutup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulisan merupakan suatu proses yang kompleks. Penulisan perlu dilaksanakan mengikut tahap-tahapnya secara sistematis. Dalam hal ini, Fergensen (1989) membahagikan proses penulisan kepada tahap perancangan, penulisan draf dan penyuntingan, manakala Trimmer dan McCrimmon (1988) menamakan tahap-tahap tersebut sebagai perancangan, penulisan draf dan penyemakan.

1.7.5 Bahasa Pertama

Mengikut H.H. Stern (1983: 10), bahasa pertama ialah bahasa yang diperoleh semasa seseorang itu masih bayi dan kanak-kanak lagi dan pada umumnya bahasa ini diperoleh melalui keluarga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keadaan ini menunjukkan penguasaan bahasa yang bersifat intuitif, natif, lengkap atau tepat. Bahasa pertama boleh disusunkan dalam bentuk jadual seperti yang berikut:

Jadual 1.3 : Bahasa Pertama

Bahasa Pertama
Bahasa pertama (first language)
Bahasa natif (native language)
Bahasa ibunda (mother tongue)
Bahasa utama (primary language)
Bahasa kuat (stronger language)

Sumber : Disesuaikan daripada H.H. Stern 1983 : 9.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa pertama atau diistilahkan juga sebagai bahasa ibunda adalah bahasa yang diperoleh oleh seseorang daripada orang tua atau penjaga. Bahasa ini dipelajari secara tidak langsung oleh seseorang sejak mula belajar bercakap dan bahasa pertama ini bukanlah diwarisi secara automatik oleh seseorang.

Tegasnya, bahasa pertama merupakan bahasa yang mula-mula sekali diperoleh dan dikuasai oleh seseorang sejak dari zaman kanak-kanak, sebelum ia mempelajari sesuatu bahasa lain. Dalam konteks kajian ini, bahasa pertama bagi murid-murid Kelas Peralihan yang pernah belajar di SJK (T) sebelum melangkah ke alam persekolahan menengah ialah bahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.6 Bahasa Kedua

Di Malaysia, umumnya bahasa kedua merujuk kepada pelajar bukan Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Unsur penting untuk menjayakan belajar bahasa kedua mengikut Strevens (dalam Asmah Hj. Omar, 2002: 54) ialah keadaan fikiran pelajar, sifat bahasa yang berkenaan dan kemahiran guru. H.H. Stern (1983: 9) telah mendefinisikan bahasa kedua sebagai apa-apa sahaja bahasa yang dikuasai oleh seseorang lebih rendah jika dibandingkan dengan tingkat kemahiran bahasa pertama. Di samping itu, bahasa kedua juga merupakan bahasa yang 'lebih lemah' kepada seseorang individu. Menurut Stern, bahasa kedua boleh disusun dalam bentuk jadual seperti yang berikut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.4: Bahasa Kedua

Bahasa Kedua
bahasa kedua (*second language)*
bahasa bukan natif (non-natif language)
bahasa asing (foreign language)
bahasa sekunder (secondary language)
bahasa lemah (weaker language)

Sumber: Disesuaikan daripada H.H. Stern 1983: 9

Menurut Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam (1985: 42), bahasa kedua ialah bahasa yang dipelajari oleh seseorang selepas dia memperoleh bahasa pertama. Apa-apa juga bahasa yang dipelajari selepas bahasa pertama diistilahkan bahasa kedua walaupun jumlah bahasa yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipelajari melebihi daripada satu bahasa. Pembelajaran bahasa kedua selalunya dilakukan secara langsung atau secara formal melalui guru-guru yang mempunyai pengetahuan mengenai bahasa tersebut.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa bahasa kedua ialah bahasa yang dikuasai melalui proses pembelajaran iaitu selepas seseorang memperoleh dan menguasai bahasa pertama. Dalam konteks kajian ini, pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan murid Kelas Peralihan yang pernah belajar di SJK (T) sebelum memasuki sekolah menengah bolehlah dianggap sebagai bahasa kedua kerana bahasa pertama atau bahasa ibunda mereka bukan bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB II

TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Pengkaji telah menyorot literatur yang bersangkut paut dengan tema kajian. Pada permulaannya, pengkaji mengupas pengertian kemahiran menulis, konsep esei berbentuk gambaran, hubung kait Teori Behaviorisme dengan kemahiran menulis, model kajian, sifat sebuah esei yang lengkap, dan laporan singkat kajian pengkaji terdahulu berkaitan tajuk kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Literatur Berkaitan

2.1.1 Konsep Kemahiran Menulis

Rohman dan Wlecke (1964: 106) telah mengutarakan model linear yang mempunyai tiga peringkat utama proses mengarang. Ini termasuklah sebelum menulis, menulis, dan menulis semula. Daripada perspektif linear ini, penulis dikatakan memikirkan isi teks yang akan dikarang, menuliskan barisan patah perkataan di atas kertas dan akhirnya membaiki, memperindah serta mengedit apa yang telah dituliskan. Proses mengarang yang berlaku dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

model linear ini adalah dalam bentuk pergerakan langkah demi langkah, iaitu dari satu langkah ke langkah yang lain.

Juriah Long (1990: 180), melihat aktiviti menulis sebagai proses menyampaikan buah fikiran, idea atau pendapat dengan tepat kepada khalayak ramai dengan menggunakan bentuk grafik. Lantaran itu, penulisan merupakan satu kaedah untuk berkomunikasi melalui bentuk grafik. Proses untuk menghasilkan bahan penulisan tidak boleh dibuat secara spontan. Proses ini memerlukan latihan mental secara sedar supaya murid-murid dapat berfikir dan kemudian memilih dan membentuk ayat yang secocok bagi menggambarkan fikiran mereka. Pada masa yang sama, murid-murid menyusun ayat-ayat menurut kepentingan isi supaya menjadi satu kesatuan fikiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran menulis sukar dikecapi, namun dapat dikuasai melalui pengajaran yang terancang. Apabila menulis, seseorang pelajar perlu mencatatkan pelbagai simbol grafik, iaitu huruf-huruf atau gabungan huruf-huruf yang mempunyai hubungan dengan bunyi bahasa. Kemahiran menulis pada peringkat awal tertumpu pada pengajaran bagi membolehkan anak murid menguasai simbol-simbol grafik yang biasa diguna pakai dalam sesuatu bahasa.

Usaha mengarang membabitkan prinsip penulisan bertahap. Tanpa kesedaran tentang prinsip ini, karangan yang pelajar hasilkan tidak akan memenuhi ciri karangan yang baik. Terdapat tiga tahap utama penulisan. Tahap ini termasuklah persediaan, penyusunan, dan penyemakan. Pada tahap pertama, langkah yang perlu dilakukan ialah menentukan bidang, skop dan tajuk. Penulis perlu menentukan maklumat yang harus terkandung dalam tajuk yang hendak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dituliskannya. Pada tahap kedua, penulis perlu menyediakan rangka. Penulis perlu mengolah isi penting yang tercatat dalam draf penulisannya. Idea murid-murid perlu diatur dan dikembangkan menjadi suatu wacana sehingga terhasil karangan yang lengkap mengikut format yang sepatutnya. Tahap terakhir merupakan penyemakan yang meliputi bacaan semula keseluruhan kandungan. Jika ada yang tersalah eja, atau tidak tepat memerlukan penambahbaikan. Semakan perlu mengambil kira aspek bahasa daripada sudut ejaan, tanda baca, tatabahasa dan diksi jika karya kreatif menjadi intipati karangan. Tahap ini penting kerana sesuatu penulisan itu dibuat untuk memudahkan pemahaman pembaca. Perlu akur bahawa pembaca tidak mungkin bersama penulis ketika membaca, maka menjadi tanggungjawab penulis untuk memastikan segala idea atau pandangan yang ditulis cukup jitu, jelas, dan mudah difahami oleh pembaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Beard (2000), di mana-mana pelosok dunia keupayaan menulis dengan baik merupakan mercu tanda kejayaan celik huruf individu dan pusat perolehan suatu sistem pendidikan. Penulisan membantu seseorang melengkapi keupayaan berkomunikasi.

Carol Turkington (2006: 244), menegaskan konsep penulisan tidak lari daripada menjadi sebahagian proses berfikir yang melibatkan banyak aktiviti mental pada sesuatu had masa tertentu. Arahan jelas dalam penulisan mengarang banyak mengajar murid selok-belok menjana idea, merancang, menyusun dan menyemak isi penulisan, malah menulis draf dan bukan semata-mata memberi fokus kepada struktur bahasa. Inisiatif menulis memerlukan daya ingatan yang turut melibatkan pengalaman. Penulis perlu menggabungkan kemahiran mengingat ejaan, tanda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baca, peraturan penerbitan kata, kosa kata, dan maklumat berkaitan isu yang kesemua kemahiran tersebut dijalin serentak sebagai ramuan hasil penulisan.


Awang Sariyan (2007: 8) berpandangan tulisan yang baik dan berkesan dapat menyampaikan mesej, fakta, ilmu dan juga hasrat penulis kepada pembaca sehingga berlangsung pemindahan dan peluasan maklumat dan ilmu. Hasil penulisan yang berkesan dapat menghasilkan perhubungan yang jelas. Menulis adalah satu keperluan, iaitu keperluan untuk bertutur sapa dan berkomunikasi.

Mohammad Fadzeli Jaafar (2009:73), dalam kajiannya tentang gaya lakuan dalam kalangan murid di Malaysia mengenengahkan pendapat tentang penggunakan strategi secara langsung. Hajat penulis yang dapat difahami secara terus dan jelas oleh si pembaca akan mengelakkan timbulnya salah faham.

Tegasnya, penghasilan sesebuah bahan penulisan melibatkan penguasaan unsur-unsur yang ternyata pada Rajah 1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1: Penghasilan Karya Penulisan

Sumber: Abdul Aziz (1993: 119), *Menguji Kemahiran Bahasa: Prinsip, Teknik dan Contoh.*

Unsur-unsur yang ternyata pada Rajah 1 dapat dirumuskan dalam lima kemahiran kecil bagi kemahiran menulis. Kemahiran ini perlu dikuasai oleh murid-murid sebelum menguasai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran menulis. Kelima-lima kemahiran kecil itu ialah: (a) Kemahiran grafik, (b) Kemahiran tatabahasa, (c) Kemahiran stilistik atau ekspresi, (d) Kemahiran retorika, dan (e) Kemahiran organisasi atau membentuk kesatuan pemerenggan.

Tegasnya, kemahiran menulis merupakan kemahiran bahasa yang sukar dan hanya dapat dikuasai oleh murid-murid melalui proses pengajaran. Beberapa kemahiran asas perlu dikuasai terlebih dahulu sebelum murid-murid dapat menyampaikan pendapat atau idea-idea mereka kepada khalayak pembaca dengan berkesan. Kemahiran menulis lebih sukar untuk dikuasai daripada kemahiran bertutur. Dalam sesuatu interaksi lisan, orang yang terlibat dalam perbualan hadir bersama-sama dalam perbualan tersebut. Dalam proses penulisan, para pelajar terpaksa berkomunikasi melalui bentuk grafik dengan pembaca yang tidak hadir bersama mereka. Oleh itu, mereka perlulah berkemampuan untuk memilih pola dan struktur ayat yang paling berkesan serta menyusun ayat-ayat tersebut untuk menyampaikan maksud yang tersirat dalam fikiran. Penguasaan kemahiran menulis mempunyai hubungan rapat dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran lisan dan membaca. Perkembangan kemahiran menulis akan menjadi lebih mudah sekiranya para pelajar mahir dalam kedua-dua kemahiran tersebut.

2.1.2 Konsep Karangan Jenis Gambaran

Sheena Gillispie (2000: 80), dalam ulasannya tentang penulisan E.B. White, *Once More to the Lake* berpendapat karangan jenis gambaran membenarkan penulis menyatakan buah fikiran berpandukan deria rangsangan. Gambaran tentang sesuatu tempat umumnya melibatkan dua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek, ini termasuklah hakikat tempat berkenaan dialami melalui pancaindera dan kaitannya dengan emosi seseorang. Diskripsi deria biasanya memberi tumpuan kepada rangsangan penglihatan kerana penglihatan adalah deria paling dominan dan biasanya seseorang bergantung harap dalam rutin harian.

Menurut Abdul Aziz Abdul Talib (2000: 152), karangan jenis gambaran ialah karangan deskriptif, misalnya tentang seseorang, benda, tempat, suasana dan pemandangan. Gambaran yang dibuat oleh penulis bertujuan mengalami bersama-sama perkara yang telah dilihat oleh penulis. Antara contoh tajuk karangan jenis deskriptif termasuklah:

(i) Mimpi yang tidak boleh saya lupakan.

(ii) Pemandangan indah di tepi pantai.

(iii) Seorang pemimpin yang baik.

Sebuah karangan yang bermutu menampilkan ayat-ayat yang berkesan. Setiap perenggan terdiri daripada ayat yang jitu. Ayat yang jitu ialah ayat yang dapat melukiskan fikiran atau perasaan pengarang setepat-tepatnya. Sehubungan dengan itu, Awang Sariyan (2007: 24) menegaskan bahawa ayat yang menimbulkan tafsiran makna yang berbagai-bagai bukan ayat yang berkesan dalam konteks karangan deskriptif.

Sanat Md. Nasir (2007: 240) merujuk keberkesanan penulisan kepada hubungan kosa kata yang bermakna. Jalinan kosa kata dalam karangan perlu berkonteks. Konsep isi dalam karangan jenis gambaran mendeskripsikan sesuatu watak, benda, tempat, suasana, atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemandangan yang semuanya perlu bertaut, runtut dan menepati ciri ketekstualan dan ciri regulatif. Sekiranya deskriptif yang ingin dibuat adalah tentang sesuatu watak, maka suasana deskriptif boleh melibatkan gambaran tentang paras muka, bentuk badan, percakapan, kelakuan, personaliti atau perwatakan, dan pekerjaan.

2.1.3 **Kaitan Teori Behavioris dengan Kemahiran Menulis**

Menurut Abd. Aziz Abd. Talib (2000: 14), ahli behavioris bersetuju dalam andaian bahawa pembelajaran bahasa berlaku sebab orang dewasa mengajar kanak-kanak bercakap, memberi galakan dengan memberi ganjaran setiap kali kanak-kanak dapat meniru atau menyebut sesuatu perkataan yang diajar. Ganjaran diberikan untuk mengukuhkan sesuatu perlakuan bahasa yang betul. Ganjaran bagi jawapan yang betul biasanya dalam bentuk pujian seperti "Pandai!" atau senyuman dan ciuman yang menyeronokkan anak itu memberi jawapan.

Teori ini berlandaskan tingkah laku iaitu proses mekanis yang boleh dibentuk melalui pengulangan. Pengulangan secara latih tubi akan membawa kepada kebiasaan. Dalam pembelajaran bahasa, pengulangan boleh dilaksanakan dalam pelbagai aktiviti oleh pelajar. Pengulangan boleh berlaku dengan adanya gerak balas daripada pelajar. Gerak balas memerlukan motivasi untuk belajar. Motivasi ini boleh diwujudkan melalui ganjaran yang bertindak sebagai pengukuh kepada perlakuan bahasa yang betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menurut Ee Ah Meng (2003: 206), gerak balas atau prestasi merujuk kepada tingkah laku. Apabila perubahan tingkah laku telah dapat dilihat, maka pembelajaran telah pun berlaku. Di dalam bilik darjah, prestasi ialah gerak balas para pelajar. Gerak balas adalah suatu petanda bahawa pembelajaran telah berlaku. Guru boleh menimbulkan gerak balas dengan mengemukakan soalan secara rambang. Soalan hendaklah ditaburkan kepada seluruh kelas supaya setiap pelajar mendapat peluang untuk memikirkan jawapan.

Contohnya, jika guru ingin mengajarkan karangan jenis gambaran yang bertajuk: *Gambarkan suasana di pasar pada waktu pagi*, guru bahasa boleh memulakan pengajaran dengan memperlihatkan gambar suasana pasar pada waktu pagi. Perkembangan pembelajaran berdasarkan Teori Behavioris dapat digambarkan seperti yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2 Kaitan Teori Behavioris Dengan Kemahiran Menulis

2.1.4 Model Kajian

Satu model kajian telah dicipta oleh pengkaji untuk tujuan kajian ini. Model ini mengatakan bahawa seseorang murid yang diberi pendedahan bahan bacaan berbahasa Melayu seperti buku cerita, majalah, akhbar, buku teks, dan menonton rancangan televisyen serta mendengar radio berbahasa Melayu (*sebagai bahan rangsangan*), murid berkenaan akan sering mengikuti bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan siaran berbahasa Melayu (sebagai tindak balas murid), iaitu melihat dan mendengar secara berulang kali pada setiap hari (*latih tubi*), maka pada akhirnya akan membentuk kebiasaan bagi murid itu untuk terus membaca dan mengikuti rancangan televisyen serta radio berbahasa Melayu. Langkah-langkah tersebut pada akhirnya akan membantu tahap kebolehan murid dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Kebolehan murid dalam penulisan karangan akan menyebabkan mereka memperoleh gred yang lebih baik (*sebagai pengukuhan*) berbanding dengan murid yang kurang membaca dan kurang mengikuti siaran radio dan televisyen berbahasa Melayu. Mereka sekadar berada pada tahap yang lemah dalam penulisan karangan. Rajah seterusnya dapat menggambarkan keadaan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.3 Model Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1.5 KWHL Model Frayer

Pengajaran dalam bilik darjah menggunakan teknik KWHL penting bagi mengaktifkan pengetahuan lalu. Model Frayer ini menjana pemikiran murid ketika membaca (2004: 128). Teknik ini dihasilkan untuk memberi panduan kepada murid dalam usaha mereka menggunakan pengetahuan sedia ada. Dengan itu, murid dapat mengembangkan asas dan menghubung kait dengan bahan pembelajaran. Dengan teknik ini, murid-murid Kelas Peralihan dapat bekerjasama dalam satu pasukan yang dipanggil pasukan koloborasi. Mereka berkongsi idea dan belajar bersama-sama.


Dalam hal ini, rancangan pengajaran dan rajah KWHL Model Frayer boleh dibuat untuk membantu murid menimba ilmu pengetahuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

K (*Know*) *What We Know* (Tahu)	W (*What to know*) *What We Want to Find Out* (Ingin tahu)	H (*How find out*) *How Can We Learn More* (Bagaimana tahu)	L (*Learned*) *What We Learned* (Belajar)
Fenomena biasa di bandar atau desa. Ramai pengguna. Penjual sibuk. Diadakan waktu malam.	Mengapa wujud? Mengapa sesak? Bagaimana rupanya?	Perbincangan Poster Lawatan ke lapangan	Seronok membeli belah. Harga barang murah. Cetak rompak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Know: **Sifat-sifat Penting** **-orang ramai** **-berpusu-pusu** **-penjual sibuk**	Pasar 	***What*: Perkara penting** **-membeli belah** **-tawar-menawar harga** **-harga murah**
How: **Bagaimana** **-ikut imaginasi murid** **-guru jangan menghakimi secara negatif**		***Learned:*** **Apa yang dipelajari** **-ikut imaginasi murid** **-guru membuka ruang untuk perbincangan**

Rajah 2.4: KWHL Model Frayer

2.1.6 Ciri-Ciri Sebuah Karangan Yang lengkap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Corbin (1966: 34) merumuskan bahawa sebuah karangan yang unggul harus menyampaikan isi kandungan yang sesuai dengan menggunakan bahasa yang bebas daripada kesalahan bahasa. Maka dapatlah dikatakan bahasa sebuah karangan yang baik haruslah mengandungi dua aspek utama, iaitu **aspek isi** dan **aspek bahasa**. Aspek isi yang dimaksudkan ini akan merangkumi ciri kerelevanan isi dan penyusunan isi sementara aspek bahasa pula meliputi struktur dan gaya, pemilihan kata, dan aspek mekanis. Secara tidak langsung, karangan yang baik memerlukan penyampaian isi-isi yang matang dan menepati topik karangan dengan menggunakan bahasa yang baik dan berkesan.

Tanda baca dan penggunaan huruf besar dan kecil merupakan soal yang penting dan fungsinya dalam bahasa adalah besar. Menurut Taya Zinkin (1980: 24-29), tanda baca dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu penulisan ialah *Full-stop (.), colon (:), semicolon (;), comma (,), Question mark (?), exclamation mark (!), inverted commas ("..."), brackets ( ), hyphen (-) and dash (_).*

Didapati faktor luaran, seperti aspek pengetahuan dan penguasaan bahasa juga memainkan peranan yang penting untuk membolehkan seseorang pelajar menghasilkan sebuah karangan yang baik. Misalnya, Koh Boh Boon (1982: 3) menyatakan bahawa untuk menulis sebuah karangan yang baik sepanjang 250 patah perkataan, seseorang pelajar menengah rendah memerlukan pengetahuan bersabit dengan tajuk berkenaan di samping kebolehan yang memadai dalam penggunaan perbendaharaan kata dan tatabahasa untuk menyampaikan idea-ideanya tentang tajuk tersebut.

Lanjutan daripada keterangan di atas, Hussein (1983: 2) merumuskan bahawa terdapat sekurang-kurangnya lima komponen dalam karangan, iaitu:

1. ISI: Isi penulisan, iaitu idea-idea yang dilahirkan.
2. BENTUK: Organisasi isi.
3. TATABAHASA: Penggunaan bentuk-bentuk gramatika dan pola-pola sintaksis.
4. GAYA: Pemilihan struktur dan butiran leksikal yang bertujuan untuk memberi sesuatu nada pada penulisan.
5. MEKANIK: Penggunaan tanda-tanda grafik dalam penulisan.

Azman Wan Chik (1993), juga mempunyai pandangan yang lebih kurang sama dengan Koh Boh Boon, iaitu pelajar memerlukan fikiran secara berkesan dalam kemahiran menulis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

karangan. Antaranya, ialah penguasaan kosa kata, tatabahasa, peribahasa, dan stail penulisan. Keempat-empat faktor ini akan menentukan mutu penghasilan penulisan karangan.

Walaupun aspek mekanis yang melibatkan penggunaan tanda bacaan, huruf besar dan huruf kecil ini penting tetapi kepentingannya terbatas, seperti kata Briggs dan Telfer (1987: 289) unsur mekanis penting untuk menyerlahkan makna lebih berkesan. Tumpuan terhadap unsur mekanis boleh mencacatkan penulisan karangan.

Raminah (1989: 209) telah memberikan penjelasan tentang karangan yang baik. Karangan yang baik dapat dilihat dari dua segi, iaitu dari ciri-ciri luaran dan ciri-ciri dalaman yang membentuk karangan tersebut. Daripada segi ciri-ciri luaran, sesebuah karangan seharusnya mempunyai struktur binaan yang terdiri daripada bahagian pendahuluan, isi, dan penutup yang juga dipersetujui oleh Awang Sariyan (1991) dan Ilias (1992). Raminah turut berpendapat bahawa sesebuah penulisan yang baik haruslah juga dapat memperlihatkan ciri-ciri dalaman yang terdiri daripada ciri-ciri kesatuan, pertautan, dan penekanan, di samping gaya penyampaian yang menarik seperti yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. **Kesatuan (*unity*)** merujuk pada ketepatan seluruh isi yang dikemukakan itu berfokus pada tajuk atau isu yang diketengahkan oleh penulisnya. Semakin tepat dan mantap setiap isi itu menyentuh judul, semakin kukuh sifat kesatuan penulisan tersebut.
2. **Pertautan** pula bermakna terdapat kesinambungan yang logik antara satu unsur dengan unsur yang lain dan jelas memperlihatkan pertautan yang kukuh dan erat sehingga penulisan itu terbentuk sebagai satu satuan yang jitu, bukan sahaja dari segi idea tetapi juga bahasa dan pengolahannya.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. **Penekanan** dimaksudkan pada penyusunan semua unsur di dalam sesebuah penulisan dengan cara yang paling sesuai, yang difikirkan dapat mencapai matlamat penulisan tersebut. Ini bermakna penekanan yang sewajarnya mestilah diberikan pada bahagian yang ingin ditonjolkan kepada pembaca.
4. **Gaya penyampaian** dimaksudkan pada ketepatan pemilihan dan penggabungan frasa untuk membentuk ayat, penggabungan ayat untuk membentuk perenggan untuk membentu satu kesatuan yang seterusnya, membentuk sebuah wacana yang lebih besar. Penggabungan unit-unit atau unsur-unsur tersebut mestilah tepat dan jelas supaya penulis dapat mempersembahkan ideanya dengan terang dan mudah difahami oleh pembaca. Ini tentunya melibatkan penggunaan bahasa yang betul, bertenaga, dan berkesan.

Awang Sariyan (1991: 717) telah menggambarkan struktur binaan karangan melalui rajah seperti yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 2.5 Binaan Karangan Sebagai Wacana
(Awang Sariyan 1991: 717)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Binaan karangan menurut Awang Sariyan berfungsi sebagai wacana yang utuh dapat juga dilihat sebagai satu kesatuan perenggan-perenggan. Hal ini demikian kerana lazimnya karangan terdiri daripada beberapa perenggan yang berisi maklumat atau gagasan yang berkaitan dengan tema atau isu pokok karangan. Oleh itu, setiap perenggan mestilah memperlihatkan pertalian yang rapat dan saling menyokong antara satu dengan yang lain sehingga terhasillah karangan yang berfokus pada tema atau isi yang akan dibincangkan seperti dalam rajah yang berikut:



Rajah 2.6 Karangan Berfokus
Sumber: Awang Sariyan (1991: 718)

Di samping itu, setiap perenggan juga harus berfokus kepada tema atau isu perbincangan. Ini selaras dengan pendapat Abdul Aziz (1993: 137) yang mengatakan setiap ayat yang tertulis dalam sesebuah perenggan itu haruslah juga berfokus kepada sesuatu perkara (idea, topik, faktor atau tema) yang berkaitan atau relevan dengan tajuk besar dalam sesuatu karangan yang ditulis. Pendek kata, sesuatu perenggan adalah satu unit pemikiran atau sesuatu idea, tajuk, faktor atau tema tersendiri yang biasanya mengandungi ayat topik. Ayat topik ini perlu dilengkapkan dengan ayat lain yang menjadi penghurai atau penyokong kepada sesuatu ayat topik dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perenggan tersebut. Oleh itu, detiap perenggan dalam bahagian isi karangan hendaklah berfokus kepada satu idea utama sahaja.

Selain isi karangan, bahagian pendahuluan dan penutup karangan juga penting. Hal ini demikian kerana bahagian pendahuluan berfungsi sebagai kepala, manakala penutup berfungsi sebagai kaki. Tanpa bahagian penutup, akan menjadikan sesebuah karangan itu tergantung kerana bahagian pengakhir ini adalah mustahak sebagai penyimpul segala huraian dan idea yang telah dibentangkan.

Marohaini Yusof (2004) melaporkan bahawa kebanyakan kajian tentang pengajaran penulisan berkaitan dengan kolaborasi dan kerjasama sebagai asas perkaedahan pengajaran penulisan. Perkaedahan kolaborasi dilihat secara konvensyenal sebagai mampu meningkatkan keupayaan menulis, kognitif dan sosial untuk berkomunikasi secara lisan dan secara ekstensif antara guru dengan murid, begitu juga sebaliknya dalam penghasilan penulisan. Marohaini sekali lagi menekankan bahawa perspektif tersebut menghasilkan pengajaran penulisan dimulai dengan perbincangan topik, penerangan, berkumpulan, cari isi dan akhirnya pelaksanaan penulisan esei. Proses pengajaran sedemikian dikira stereotaip dan menjemukan kerana kurang menggunakan pendekatan berteknologi. Ekoran itu, kemajuan ketara sukar dicapai kerana murid-murid kurang menguasai kemahiran menulis.

Bahasa merupakan satu aspek yang paling penting di dalam karangan selain aspek isi kerana bahasa berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan isi dan buah fikiran. Isi dan buah fikiran ini digalurkan dalam bentuk ayat. Ayat adalah segugusan perkataan yang membawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

makna yang dimengertikan oleh pembaca. Dalam membentuk ayat, seorang perlu memastikan bahawa ayat-ayat itu mengandungi 'subjek' dan 'predikat' yang betul dan tepat penyusunannya. Selain rumus pembentukan ayat yang harus diikuti, aspek ejaan juga mesti diberikan perhatian yang sewajarnya. Seelok-eloknya seseorang itu haruslah menguasai sistem ejaan baharu dengan sebaik-baiknya dalam penggunaan bahasanya sehari-hari semasa berkomunikasi.

Juhani E. Tuovinen (2008: 72) menegaskan sekolah hendaklah dilengkapi bahan bacaan yang mencukupi ke arah memperkembang kebolehan mengarang murid-murid. Ini termasuklah bacaan dalam perpustakaan, resos sains dan ICT untuk membolehkan guru menawar program penulisan yang efektif. Segala pembaharuan dalam bidang ICT atau teknologi maklumat dan komunkasi memerlukan inovasi pelajar dari segi pendekatan menulis. Strategi latihan menulis esei yang berpandukan ICT boleh melahirkan kalangan murid yang dapat menghasilkan karangan berkualiti. Kalangan murid ini hendaklah digalakkan memupuk semangat membaca, khususnya berbentuk karya kreatif. Minat terhadap bacaan di luar dan dalam sekolah menjadi intipati kepada penerimaan maklumat yang luas untuk membantu murid menulis karangan.

Justeru, berdasarkan model kajian 2.3 tadi, pengkaji ingin melihat bagaimanakah aktiviti membaca, mengikuti siaran radio dan televisyen berbahasa Melayu di kalangan pelajar dapat mempengaruhi tahap kebolehan pelajar menulis karangan bahasa Melayu. Dengan gred keputusan penulisan karangan yang lepas (yang terdahulu) akan membantu tahap kebolehan pelajar menulis karangan bahasa Melayu yang lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah ditinjau kriteria-kriteria yang diperlukan dalam pembentukan sebuah karangan yang baik, maka bahagian yang berikutnya pula pengkaji ingin meninjau secara ringkas kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji yang terdahulu yang ada kaitannya dengan tujuan kajian.

2.2 Kajian Berkaitan

Setakat ini, memang banyak pengkaji terdahulu menggunakan karangan sebagai alat kajian mereka untuk menganalisis kelemahan yang telah dilakukan oleh sampel kajian. Di sini pengkaji hanya mengemukakan beberapa kajian yang ada kaitan dengan tujuan kajian kertas projek ini.

Kajian Narayanan Kunchi Raman (1993) menggunakan sampel kajian yang terdiri daripada 20 orang murid dari SJK (T) Vivekananda, Petaling Jaya dan 20 orang murid lagi dari SJK (T) Cantuman Chaah, Johor. SJK (T) Vivekananda, Petaling Jaya adalah sekolah bandar bertaraf gred A manakala SJK (T) Cantuman Chaah, Johor adalah sekolah luar bandar yang bertaraf gred A juga. Bahan kajian beliau adalah 80 buah karangan (40 berdasarkan gambar bersiri; 40 berpandukan isi yang diberikan) yang diperoleh daripada sampel kajian melalui satu ujian penulisan karangan bahasa Melayu yang dikendalikan oleh pengkaji sendiri. Masa ujian ialah 30 minit bagi setiap soalan. Had bilangan perkataan yang ditetapkan adalah tidak kurang daripada 60 patah perkataan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid berkenaan lemah dalam kelima-lima aspek bahasa yang ditinjau, iaitu struktur ayat, perbendaharaan kata, imbuhan, tanda baca, dan ejaan. Menurut beliau, data kajian setelah dianalisis menunjukkan suatu pola yang jelas, iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengaruh bahasa ibunda (Bahasa Tamil), pengaruh BM kolokial kaum etnik Tamil, penterjemahan perkataan bahasa Tamil secara langsung, dan penggunaan perkataan kolokial kaum etnik Tamil memang kuat mempengaruhi penulisan sampel kajiannya. Pengaruh tersebut berleluasa dalam setiap aspek yang ditinjau dan hakikat ini mendaorong penulis untuk membuat kesimpulan bahawa murid-murid SJK (T) kurang menguasai kemahiran bahasa, terutamanya kemahiran menulis menerusi pengajaran formal di sekolah.

Kajian Loy In Tiau (1995) pula menggunakan sampel kajian yang terdiri daripada 40 orang pelajar Tingkatan Enam Rendah sastera dari sebuah sekolah menengah di Melaka. Sampel kajian ini terdiri daripada 20 orang pelajar Melayu, iaitu Kumpulan Pelajar Melayu (KPM), dan 20 orang pelajar bukan Melayu, iaitu Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk mengumpul data yang diperlukan, pengkaji telah menggunakan alat kajian seperti ujian menulis karangan, borang soal selidik, borang laporan prestasi, jadual temua bual dengan guru dan pelajar lemah. Kesemua alat kajian telah pun diuji rintiskan, dan diubahsuaikan mana-mana yang perlu sebelum ditadbir atau digunakan. Data yang dikumpulkan telah dianalisis untuk menjawab soalan kajian berkaitan dengan tahap kebolehan pelajar dalam penulisan karangan perbincangan, jenis-jenis masalah yang dihadapi pelajar serta punca masalah mereka.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan, sebahagian besar pelajar, iaitu kira-kira dua pertiga (67.5%) daripada sampel kajian, berkebolehan sederhana (Gred C: 41-60) dalam penulisan karangan perbincangan. Yang lain, iaitu hampir satu pertiga daripada sampel kajian adalah pada tahap lemah (Gred D: 21-40)/sangat lemah (Gred E: 0-20). Tiada seorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pun pelajar yang mencapai tahap cemerlang (Gred A: 81-100) atau baik (Gred B: 61-80) secara keseluruhan.

Gambaran yang hampir sama wujud apabila prestasi pelajar dalam penulisan diteliti dari segi penyampaian isi dan penguasaan bahasa. Kebanyakan pelajar adalah pada tahap sederhana (Gred C). Hanya terdapat sebilangan kecil (tidak sampai 10 peratus) yang memperoleh tahap baik (Gred B). Tidak ketinggalan juga, terdapat lebih banyak pelajar yang lemah dalam aspek penguasaan bahasa berbanding dengan aspek penyampaian isi (35 peratus berbanding dengan 22.5%).

Seterusnya perbandingan min antara KPM dengan KPBM menunjukkan bahawa KPBM mencapai tahap kebolehan yang sedikit lebih baik dalam penulisan karangan jenis perbincangan secara keseluruhan, dari segi penyampaian isi dan dari segi penguasaan bahasa. Namun, kedua-dua kumpulan pelajar ini mencapai kebolehan sederhana (Gred C), dan perbezaan min antara kedua-dua sangat kecil dan didapati tidak signifikan apabila diuji berdasarkan ujian T untuk tahap signifikan.

Dari segi masalah yang dihadapi oleh pelajar pula ketika menulis karangan, masalah dari segi isi merupakan masalah yang paling serius berdasarkan kekerapan pelajar yang setuju. Sebanyak 85% pelajar bersetuju bahawa penyusunan isi menjadi satu masalah, dan 84% pelajar mengakui bahawa kerelevanan isi ialah satu daripada masalahnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah yang kedua serius yang dihadapi pelajar ialah masalah dari segi bahasa khususnya yang berkaitan dengan struktur dan gaya bahasa. Sebanyak 87 % pelajar bersetuju bahawa mereka menghadapi kesulitan untuk membina ayat yang tepat, jelas, dan gramatis, 85% mempunyai kesukaran menyampaikan idea menggunakan bahasa Melayu yang standard; dan 75.5% bersetuju bahawa mereka melakukan kesalahan bahasa dalam karangan.

Masalah yang ketiga adalah dari segi perancangan. Hal ini dipersetujui oleh 56.3% pelajar. Sebanyak 90% pelajar menyatakan bahawa mereka menghadapi kesulitan untuk membuat rangka karangan yang baik, 70% menghadapi kesukaran untuk membina pendahuluan yang berkesan dan 80% menghadapi kesukaran menulis penutup yang berkesan.

Dua masalah murid yang kurang serius ialah perbendaharaan kata (35.8%) dan aspek mekanis (23.3%). Namun 87.5% pelajar bersetuju bahawa mereka mengalami kesukaran mendapatkan perkataan yang sesuai bagi maksud yang ingin disampaikan dan 25% mengakui bahawa kerapkali melakukan kesalahan penggunaan tanda baca dalam karangan.

Dapatan kajian Loy In Tiau membawa implikasi penting. Didapati bahawa kelemahan pelajar dari segi penguasaan bahasa dan penyampaian isi ada perkaitan dengan sikap pelajar yang kurang peka terhadap isu semasa dan kurang berminat untuk membaca bahan bacaan yang "serius". Maka, para pelajar tingkatan enam harus digalakkan untuk mendengar berita radio dan televisyen, dan membaca akhbar dan majalah "serius" untuk mengikuti perkembangan isu semasa dan memperluas pengetahuan am.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya Mohd. Jonit Mohd. Johari (1996) dalam artikelnya yang bertajuk "*Kemahiran Menulis Karangan Pada Peringkat Sekolah Menengah Atas: Sukatan Pelajaran, Prestasi, Masalah, Dan Keperluan*" membuat rumusan kajiannya bahawa sukatan pelajaran Bahasa Melayu tidak menggariskan kaedah, teknik, pendekatan atau strategi pengajaran dan pemelajaran kemahiran menulis dengan jelas untuk dijadikan panduan guru-guru bahasa.

Dari segi prestasi pelajar dalam aspek penulisan, penulis mengemukakan banyak kelemahan yang dihadapi oleh pelajar. Menurut beliau, sumber yang paling berguna untuk melihat kelemahan para pelajar dalam penguasaan kemahiran menulis karangan pada peringkat menengah atas ialah *Laporan Tahunan Prestasi SPM* yang diterbitkan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Berikut ialah rumusan kelemahan calon-calon seperti yang dilaporkannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi penyediaan karangan, beliau berpendapat bahawa karangan ditulis tanpa membuat rancangan atau rangka terlebih dahulu sebelum menulis. Oleh sebab itu, susunan isi serta panjang pendek sesuatu perenggan itu tidak seimbang, dan pengolahan isi juga lemah. Isi-isi penting bercampur aduk dengan isi-isi sampingan, dan oleh sebab itu, karangan menjadi panjang serta meleret-leret.

Dari segi penguasaan tatabahasa pula, banyak calon masih lemah dalam penguasaan dan penggunaan tatabahasa baku. Mereka tidak dapat menggunakan bahasa dengan lancar dan sering melakukan kesalahan dan kesilapan bahasa yang tidak dapat dimaafkan. Gaya bahasa amat membosankan kerana kebanyakan calon tidak pandai menganekaragamkan susuk-susuk ayat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang digunakan dalam karangan. Terdapat beberapa banyak penggunaan ayat-ayat yang tergantung dari segi tatabahasa dan makna yang hendak disampaikan.

Menurut Mohd. Jonit Mohd. Johari (1996: 80), penggunaan tanda baca dalam kalangan pelajar masih belum lagi dikuasai dengan baik. Menurut beliau, masih ada calon-calon yang tidak dapat menggunakan titik, koma, tanda-tanda pembuka dan penutup kata dengan betul. Penggunaan tanda baca yang tidak betul pun masih berleluasa dalam penulisan ayat aktif. Kesalahan dan kesilapan dalam penggunaan tanda baca ini menyukarkan pembaca untuk menankap maksud penulis dan mengganggu kelancaran membaca. Kenyataan ini sama seperti dapatan Azman Wan Chik (1983).

Kesilapan ejaan masih banyak dilakukan oleh calon-calon, dan hal ini menunjukkan bahawa banyak calon yang tidak atau belum lagi menguasai sistem ejaan baku bahasa Melayu.

Ada juga calon yang menulis karangan yang terpesong langsung daripada tajuk yang dipilih. Hal ini bermakna calon tersebut menulis karangan yang sama sekali menyimpang daripada tajuk yang terdapat dalam kertas peperiksaan. Perkara sedemikian boleh berlaku sekiranya seseorang calon itu agak bergopoh-gapah semasa meneliti soalan. Sebagai contoh, katakan tajuk karangan ialah Pendidikan Asas Kemajuan, tetapi calon telah menulis karangan dengan tajuk Penyelidikan Asas Kemajuan. Hal ini bererti seluruh gagasan yang dikemukakan oleh calon telah terpesong.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi isi karangan, kesalahan yang sering dilakukan oleh calon termasuklah menyampaikan isi yang tidak mencukupi, tidak berkembang, dan tidak dilengkapkan dengan contoh-contoh yang sesuai, mencampuradukkan beberapa isi yang berbeza dalam perenggan, menyampaikan isi yang serupa secara berulang-ulang, memberikan hujah-hujah yang kurang matang, kurang logik dan kurang munasabah, dan lebih banyak menjelaskan isi-isi yang kurang penting daripada isi-isi yang penting.

Dari segi pengenalan dan penutup karangan pula, banyak calon yang masih lemah dalam penyediaan pengenalan dan penutup sebuah karangan. Kerapkali calon-calon memberikan sesuatu yang tidak penting secara panjang lebar dalam beberapa perenggan pengenalan pada awal karangan. Dan kadangkala ada calon-calon yang tidak dapat membuat kesimpulan atau rumusan secara berkesan pada akhir karangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi tulisan pula, ada calon yang mempunyai tulisannya kecil dan buruk, dan oleh sebab itu, karangan mereka amat sukar dibaca dan difahami. Menulis secara terburu-buru atau tergesa-gesa akan menyebabkan tulisan seseorang itu menjadi buruk, dan seluruh hasil penulisannya menjadi tidak kemas serta kotor.

Dalam bahagian akhir laporan kajian beliau, beliau berharap agar segala kelemahan dalam aspek penulisan perlu diatasi awal-awal lagi pada peringkat sekolah. Sekiranya masalah ini dibiarkan berlarutan tanpa sebarang tindakan yang positif, maka cita-cita ingin menjadikan bahasa Melayu sebagai wahana yang menghasilkan karya-karya agung dan memperkayakan budaya tinggi tidak akan menjadi kenyataan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zulkifley Hamid dan rakan-rakannya (2000) telah menjalankan penyelidikan mereka di tiga buah sekolah yang berlainan aliran. Ketiga-tiga jenis sekolah tersebut ialah SRK King George V yang rata-rata pelajarnya terdiri daripada pelajar Melayu dan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa pertama, SJK (C) Chan Hwa, dan SJK (T) Lorong Jawa. Bahasa Melayu di SJK (C) dan SJK (T) dipelajari sebagai bahasa kedua.

Untuk mendapatkan data, para pengkaji menggunakan borang soal selidik yang mengandungi lima bentuk ujian. Borang soal selidik ini diedarkan kepada pelajar tahun enam di sekolah tersebut. Pengedaran borang soal selidik dan pengendalian ujian dibantu oleh dua orang pembantu penyelidikan. Sebelum menjawab soalan, pelajar diberikan taklimat tentang perkara yang mesti dipatuhi dan masa yang diperuntukkan. Data dianalisis dengan dua cara, iaitu secara analisis am dan secara analisis statistik. Analisis am dilakukan terhadap ujian menulis karangan. Penilaian yang dilakukan meliputi aspek struktur, gaya, isi, perbendaharaan kata, penyusunan, dan mekanis. Pemarkahan diberi berdasarkan Skema Pemarkahan Karangan secara Analisis Sekolah Rendah.

Daripada keseluruhan markah yang diperoleh oleh subjek kajian dalam ujian menulis karangan, dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa sampel kajian dari SRK memperoleh markah yang lebih tinggi berbanding dengan sampel kajian dari SJK (T). Sebanyak 3.75% sampel kajian dari SRK mendapat markah **Amat baik.** Sebanyak 23.7% pula mendapat markah **Baik.** Sebilangan besar sampel kajian, iaitu sebanyak 65% memperoleh markah **Sederhana**. Walaupun SRK mencatat peratusan kelulusan tertinggi, masih ada yang mendapat markah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lemah, iaitu sebanyak 7.5%. Namun begitu, tidak seorang pun sampel kajian dari SRK yang mendapat markah **Sangat Lemah.**

SJK (C) memperoleh markah kedua tertinggi. Sebanyak 1.25% sampel kajian mendapat markah **Amat baik** dan sebanyak 11.25% mendapat markah **Baik,** sebanyak 37.3% mendapat markah **Sederhana,** sebanyak 35% mendapat markah **Lemah,** dan 15% mendapat markah **Sangat Lemah.**

Bagi SJK (T), tidak ada seorang pun sampel kajian yang mendapat markah **Baik** dan **Amat Baik**. Sebanyak 73.3% mendapat markah **Lemah** dan sebanyak 20% mendapat markah **Sangat Lemah**. Hanya 6.6% mendapat markah **Sederhana**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan menunjukkan bahawa **masalah utama** para pelajar SJK (T) ialah **gangguan daripada bahasa ibunda**. Keadaan ini wujud kerana sistem nahu, morfologi, dan fonologi bahasa Melayu berbeza daripada sistem yang ada dalam bahasa Tamil. Oleh hal yang demikian, guru bahasa Melayu haruslah peka terhadap perbezaan ini. Para pelajar seharusnya mampu menyaring perbezaan ini dan patuh pada sistem yang tepat apabila menggunakan bahasa Melayu. Dalam bahagian akhir laporan kajian Zulkifley Hamid *et.al.* (2000), beliau menegaskan kemahiran berbahasa kedua memerlukan proses pemelajaran dan pengajaran secara terancang. Kata beliau, rumus-rumus tatabahasa tidak diperoleh secara automatik, tetapi melalui proses pencarian, penemuan, pengalaman, dan pembentukan tabiat yang melibatkan perancangan pengajaran dan pemelajaran yang bersifat formal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, *Laporan Prestasi PMR 2002* bagi Kertas 1 Bahasa Melayu juga menyatakan bahawa ketika calon peperiksaan menulis karangan, mereka melakukan beberapa kesalahan. Antaranya mereka mengemukakan isi tidak tepat. Misalnya bagi soalan 1(a), sesetengah calon menceritakan temasya sukan dan ada juga yang menumpukan pertandingan permainan seperti bola sepak, bola jaring, dan ada juga pertandingan kawad kaki.

Bagi soalan 2(a) pula, sesetengah calon tidak memahami konsep permainan tradisional dengan memberi contoh sepak takraw, wayang kulit, dan bola sepak. Begitu juga calon mencampuradukkan format antara surat kiriman rasmi dengan tidak rasmi soalan 3(a). Ada juga calon tidak memahami cara menulis format ucapan yang betul 4(a), dan maksud peribahasa "jika tidak dipecahkan ruyung, di mana boleh mendapat sagu" bagi soalan 5(a).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi kesilapan atau kesalahan bahasa, laporan prestasi tersebut melaporkan bahawa calon banyak menulis ayat yang tergantung dan menggunakan kata tunjuk ***ini*** pada permulaan ayat. Dari segi frasa, kesalahan biasa ditemui dari aspek penggunaan hukum D-M, penggunaan ayat pasif bagi kata ganti pertama dan kedua, penggunaan kata depan dan kata sendi 'di', penggunaan kata majmuk, penggunaan kata pemeri, dan penggunaan 'yang mana' dan 'di mana' sebagai kata hubung.

Menurut laporan ini, calon juga menggunakan kata yang kurang tepat ketika menggunakan kata bagi menghuraikan maksud. Dari segi kesalahan ejaan, calon biasanya menggunakan **dua g** dan **dua k** untuk perkataan yang tidak memerlukannya dan penggunaan kata depan 'di' dan 'ke' seperti dibandar / keatas / dikampung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai rumusannya, didapati para pelajar secara keseluruhannya menunjukkan kelemahan dari segi penguasaan bahasa dan penyampaian isi dalam karangan mereka. Antara aspek kelemahan dari segi penguasaan bahasa ialah kesalahan ayat, perkataan, imbuhan, ejaan, dan tanda baca, sementara dari segi penyampaian isi pula ialah kelemahan mengemukakan isi yang berkaitan, isi yang tidak mencukupi, pemahaman yang kabur terhadap kehendak soalan, dan penulisan pendahuluan serta penutup yang lemah.

Hasil daripada peninjauan terhadap kajian lepas, pengkaji berpendapat bahawa ada sesetengah kaedah yang digunakan oleh pengkaji terdahulu adalah kurang sesuai. Misalnya, kedua-dua pengkaji iaitu Narayanan Kunchi Raman (1993) dan Loy (1995), mereka hanya menggunakan 40 orang sebagai sampel kajian. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa jumlah sampel kajian mereka adalah terlalu kecil, iaitu kurang daripada 50 orang. Pengkaji berpendapat untuk menjadikan kajian kita lebih objektif, maka bilangan sampel kajian haruslah lebih besar, misalnya melebihi 100 orang.

Ketika meneliti laporan pengkaji terdahulu, pengkaji berpendapat bahawa memang tiada kajian khusus dijalankan oleh pengkaji terdahulu untuk kemahiran menulis karangan jenis gambaran bagi pelajar-pelajar Kelas Peralihan. Pengkaji berpendapat kajian ini adalah penting kerana karangan jenis gambaran sering disoal atau keluar dalam peperiksaan sama ada peperiksaan peringkat sekolah mahupun peperiksaan awam, misalnya dalam peperiksaan PMR. Memandangkan keadaan sedemikian, maka pengkaji telah mengambil keputusan untuk meneruskan kajian bagi tajuk ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Pengajaran menulis Melalui Pendekatan Proses

Salah satu cara yang berkesan untuk mengatasi kelemahan penulisan murid Kelas Peralihan ialah guru bahasa menggunakan pendekatan proses. Pendekatan proses menekankan proses menulis, bukan hasil penulisan yang terakhir. Melalui pendekatan tersebut, penulis berlatih menulis draf, menyemak, mencipta, dan mengkritik berulang kali. Dalam hal ini, penulis akan diminta menyusun atur atau menulis semula perenggan-perenggan tertentu, menambah yang baru atau menggugurkan apa yang telah ditulis. Penekanan lebih pada kesalahan-kesalahan leksikon dan tatabahasa yang nyata dan tidak pada idea-idea murid. Penulis bukan sahaja memikirkan tujuan menulis, bahkan perlu mengambil kira cara-cara hendak memulakan penulisan tersebut.

Kamaruddin Husin (1997 :114), menyarankan supaya murid menyedari hakikat bahawa sesuatu yang telah ditulis itu bukan bererti sudah cukup sempurna. Output hasilan masih boleh dibaiki melalui proses penulisan yang betul. Proses pembaikan boleh dilakukan sesama sendiri. Semua bentuk teguran dan kritikan harus diterima dengan hati yang terbuka. Seiring pandangan tersebut, Rosemary Roberts (2006: 112) menegaskan maklum balas guru terhadap murid hendaklah berlandaskan realiti dan bukan dengan memberi pujian palsu atau menampal stiker 'smiley' pada akhir karangan. Penilaian sebenar berdasarkan realiti hasil karangan mampu mengangkat harga diri murid dan mereka boleh menaruh kepercayaan kepada guru untuk membimbing mereka dalam aktiviti penulisan selanjutnya.

Dalam hal ini, Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2006: 103) menegaskan guru jangan membuat penilaian negatif dan jangan menuduh tetapi perlu menerangkan sahaja apa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perasaan kita. Dengan mematuhi panduan di atas, guru-guru dapat mengelakkan murid-murid daripada membenci mereka. Guru boleh menggunakan gaya bahasa deskriptif untuk menyatakan perasaan dengan tidak menjatuhkan air muka murid-murid yang ditujukan.

Dalam pendekatan proses, terdapat beberapa aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh murid pada setiap peringkat penulisan. Aktiviti tersebut tersimpul dalam rajah di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.7 Aktiviti dalam Peringkat Proses Menulis
Sumber: Disesuaikan daripada Juriah Long, (1998: 43)

Guru bahasa yang menggunakan pendekatan ini biasanya memulakan pengajarannya dengan aktiviti prapenulisan. Dalam aktiviti ini, murid-murid mengkaji tajuk karangan secara mendalam melalui pembacaan, perbincangan, sumbang saran, dan perbahasan. Selepas itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka mencatatkan isi-isi yang dibincangkan. Jeni Riley (2006: 130), bersetuju dengan sesi prapenulisan sebagai satu usaha mengumpul idea dengan mengurangkan risiko kehilangan idea berkenaan dari metakognisi murid. Murid-murid membuat draf pertama karangan. Draf itu kemudiannya dibaca oleh guru sendiri atau rakan-rakan. Walau bagaimanapun, draf itu tidak dinilaikan tetapi pembaca hanya memberi gerak balas terhadap catatan idea yang telah dihasilkan. Selepas maklum balas diterima, baharulah murid-murid menulis semula dengan memberi pertimbangan terhadap idea-idea yang diberi oleh pembaca.

Menurut Kamarudin Husin *et. al.* (1997: 130), antara kekuatan pendekatan proses dalam pengajaran karangan ialah:

i. Murid menguasai kemahiran secara berperingkat-peringkat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran penulisan karangan melibatkan peringkat. Penguasaan kemahiran oleh murid dapat dipupuk secara beransur-ansur mengikut peringkat mana proses penulisan itu dijalankan. Peringkat pratulis contohnya, dapat memupuk kemahiran mencari isi, merujuk kamus, malah mencari bahan rujukan itu sendiri. Kebaikan sumbang saran diakui oleh Christie Gabour (2007: 124) yang berpandangan bahawa isu dan isi kandungan dapat dijana melalui aktiviti sumbang saran yang berobjektif untuk memberi murid peluang berlatih membina bahan isi dalam pasukan. Guru hendaklah berfungsi sebagai fasilitator dan jangan terus menghakimi idea. Pembimbing hendaklah mengutip seberapa banyak idea murid dalam masa yang ditetapkan. Murid boleh menunjukkan isi berkaitan tajuk yang telah ditulis dalam kad catatan di hadapan kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumpulan sumbang saran lain boleh menilai idea tersebut dan membuat keputusan untuk menambah baik ataupun menggugurkannya sahaja dalam usaha membina karangan.

ii. Kesilapan dapat dielakkan seawal mungkin

Dalam sebuah hasil penulisan, jika kesilapan dikesan pada saat hendak dihantar tentu menimbulkan masalah. Oleh sebab pendekatan proses dilakukan secara berperingkat-peringkat, setiap kesilapan dan kesalahan dapat dikenal pasti mengikut peringkat. Contohnya, jika kesilapan pemilihan isi berlaku pada peringkat prapenulisan, pada peringkat penulisan, kesilapan itu sudah tiada lagi. Kesilapan dapat dibaiki setelah penyemakan draf pertama.

iii. Murid menguasai kemahiran menulis karangan, bukan isi karangan sahaja

Salah satu perkara penting dalam pengajaran penulisan terutamanya karangan, kemahiran yang perlu dipupuk bukannya penguasaan isi karangan. Jika kemahiran menulis sudah dikuasai, apa-apa pun tajuk yang diberi, murid akan mampu dan tahu merancang penulisan itu mengikut proses secara sistematik sehingga terhasil karangan yang lengkap.

Pendekatan proses menggalakkan murid mengemukakan pandangan dan cerita secara spontan. David Booth (2004: 68), menyatakan murid perlu diminta menghubungkaitkan pengalaman dan cerita yang pernah dibaca atau didengar apabila meneruskan suatu penulisan jenis gambaran. Murid-murid wajar dibantu menggunakan cerita benar yang dilalui dalam kehidupan sebagai asas mengembangkan isi esei mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apa yang lebih penting adalah memupuk kemahiran menulis secara bersistematik, bukannya menguasai seberapa banyak tajuk karangan. Pendekatan proses bukanlah baharu kepada murid. Sebahagian daripada komponen proses yang terdapat dalam pendekatan proses ini sudah menjadi perlakuan biasa kalangan murid, terutama yang baik hasil penulisannya. Apa yang penting, guru bahasa menggunakan pendekatan ini dalam P&P untuk menyedarkan murid bahawa perlakuan biasa mereka semasa menulis sebelum ini boleh diperbaik menerusi proses yang lebih sistematik.

2.4 Kesimpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah ditinjau kajian yang berkaitan seperti yang dibincangkan di atas, maka kajian tersebut dapat membantu kajian pengkaji yang berkaitan dengan kelemahan yang dihadapi oleh pelajar India Tamil Kelas Peralihan dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Sesuai dengan tajuk ini, pengkaji akan menggunakan Teori Behavioris untuk menyempurnakan kajian pengkaji. Teori ini sesuai digunakan memandangkan pelajar yang lemah biasanya memerlukan aktiviti latih tubi untuk mempertingkat tahap penguasaan mereka dalam bidang penulisan karangan bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB III

KAEDAH KAJIAN

3.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan berusaha menerangkan satu per satu kaedah menjalankan penyelidikan. Antara perkara yang akan disentuh nanti ialah reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, alat kajian, prosedur pengumpulan data, dan prosedur penganalisisan data.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk kertas projek ini ialah kajian tinjauan. Kaedah ini dipilih oleh pengkaji memandangkan tinjauan merupakan satu kaedah penyelidikan yang dijalankan untuk mengumpul data daripada satu populasi dengan cepat dan tepat. Semasa menjalankan tinjauan, yang menjadi perhatian utama pengkaji ialah bagaimana mendapat jawapan yang memuaskan daripada sampel kajian. Oleh itu, dengan menggunakan kaedah ini, responden akan memberikan jawapan yang betul, tanpa pengkaji meragu-ragukan bahawa jawapan itu dapat diterima atau disalahgunakan oleh penemu bual. Data yang diperoleh dengan baik akan membantu pengkaji dalam penyelidikan. Memandangkan terdapat beberapa kebaikan kaedah tinjauan yang dihuraikan di atas, maka pengkaji memilih kaedah ini untuk mendapatkan maklumat yang berguna untuk menyempurnakan kertas projek ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi terdiri daripada pelajar India Tamil Kelas Peralihan. Terdapat dua kelas Tingkatan Peralihan SMK Menglembu. Seramai 30 orang murid dipilih sebagai populasi. Pengkaji ingin tahu tahap kebolehan pelajar India Tamil Kelas Peralihan dalam penulisan karangan jenis gambaran. Aspek kelemahan ditinjau dan dianalisis untuk memikirkan satu kaedah pemulihan yang berkesan. Semua sampel kajian terdiri daripada murid yang sedang mengikuti pendidikan formal di Kelas Peralihan. Taburan sampel kajian dapatlah dilihat melalui jadual seperti yang berikut:

Jadual 3.1: Taburan Sampel Kajian

Sekolah	Kelas Peralihan	Bilangan Pelajar
SMK Menglembu	P. Epsilon	12
SMK Menglembu	P. Chi	18
Jumlah Besar:		30

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi kajian ini, sampel kajian adalah tertumpu kepada pilihan dua buah kelas, iaitu Peralihan Epsilon dan Peralihan Chi. Seramai 30 orang murid yang terdiri dari kombinasi 15 orang murid lelaki dan 15 orang murid perempuan.

Jadual 3.2: Pembahagian Sampelan Menurut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	15	50 %
Perempuan	15	50 %
Jumlah Besar	30	100 %

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.1 Pewajaran Pemilihan Sampel Kajian

Murid Kelas Peralihan dipilih sebagai sampel kajian kerana mereka telah mengikuti program pendidikan KBSR selama enam tahun, iaitu dari tahun 2004 hingga tahun 2009. Mereka telah memasuki Kelas Peralihan pada tanggal 4 Januari 2010. Murid yang menjadi sampel kajian ini seharusnya telah menguasai aspek-aspek kemahiran menulis kerana pengajaran dan pembelajaran mereka di sekolah rendah adalah berdasarkan Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah KBSR. Tambahan pula, murid-murid berkenaan telah selesai menduduki peperiksaan UPSR pada bulan September 2009 yang lalu. Dalam peperiksaan berkenaan, kalangan murid ini diwajibkan menulis karangan.

Dalam Tingkatan Peralihan yang sedang diikuti oleh sampel kajian ini, mereka juga diajar menulis karangan khususnya karangan jenis gambaran memandangkan karangan jenis itu acapkali keluar dalam peperiksaan sama ada dalam peperiksaan di peringkat sekolah mahupun pada peringkat peperiksaan awam. Oleh itu, adalah wajar sekali mereka ini dipilih sebagai sampel kajian untuk kertas projek ini memandangkan sampel kajian pengkaji telah diajar menulis karangan sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun peringkat Kelas Peralihan.

05-4504832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Alat Kajian

Penyelidikan ini telah menggunakan beberapa alat yang penting. Borang soal selidik disediakan. Hasil penulisan karangan murid turut dikaji. Sampelan diminta menulis secara spontan. Masa yang diperuntukkan ialah selama 45 minit bagi setiap karangan. 30 karangan diperoleh dari sampel kajian selepas sampel kajian berjaya menduduki satu ujian penulisan karangan bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu yang dikendalikan oleh pengkaji sendiri. Selain itu, borang soal selidik digunakan semasa kaedah soal selidik dijalankan.

3.3.1 Tajuk Karangan

Tajuk karangan ialah "Gambarkan suasana di pasar malam di tempat anda tinggal". Dalam soalan tersebut, murid-murid dikehendaki menulis sebuah karangan berpandukan isi karangan yang diberi. Sampel kajian diberi masa selama 45 minit untuk menyiapkan karangan tersebut. Panjang minimum karangan tersebut ialah 80 patah perkataan. Ini selaras dengan *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kelas Peralihan tahun 2003.*

3.3.2 Ujian Penulisan Karangan Bahasa Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian karangan telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data mentah. Melalui penulisan karangan, pengkaji dapat mengenal pasti aspek-aspek kelemahan yang dilakukan oleh sampel kajian. Ini dapat diketahui setelah data-data berkenaan diteliti dan dianalisis oleh pengkaji.

Berdasarkan karangan berpandu, sampel kajian dikehendaki menulis sebuah **karangan jenis gambaran.** Karangan jenis gambaran dipilih kerana kerap disoal dalam peperiksaan; sama ada peperiksaan di peringkat sekolah mahupun peperiksaan di peringkat kebangsaan seperti peperiksaan PMR. Misalnya karangan jenis gambaran ini disoal pada setiap tahun dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peperiksaan PMR sejak tahun 2000-2009 kecuali pada tahun 1997. Ini bermakna untuk tujuan peperiksaan, murid seharusnya arif dalam penulisan karangan jenis gambaran.

3.3.3 Pemilihan Karangan Sebagai Alat Kajian

Menurut Raminah *et.al* (1985: 200), karangan ialah fenomena melahiran perasaan dan fikiran secara bertulis berdasarkan tajuk yang diberikan oleh guru dalam jumlah perkataan yang terhad dan masa yang telah ditetapkan oleh guru. Koh Boh Boon (1982: 2) menerangkan bahawa karangan adalah hasil daripada kerja mengarang, satu proses melahirkan satu idea atau satu rangkaian idea dalam bentuk penulisan secara tersusun dan logik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun kemahiran di atas dapat dinilai melalui karangan, akan tetapi dalam kajian ini, pengkaji cuma meneliti aspek-aspek kelemahan yang dilakukan oleh murid. Pengkaji berpendapat bahawa kelemahan dalam penulisan karangan secara tidak langsung akan menjejaskan prestasi pencapaian murid dalam karangan. Kelemahan dan kekurangan ini amat tertonjol dalam aspek penulisan karangan.

Melalui penjelasan di atas tadi, dapatlah dikatakan bahawa karangan merupakan alat kajian yang sesuai untuk mengesan kelemahan dalam aspek penulisan yang dilakukan oleh murid-murid ketika mereka menulis karangan. Ini selaras dengan objektif kajian pengkaji kerana salah satu tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kelemahan bahasa yang dilakukan oleh murid dalam aspek penulisan karangan bahasa Melayu. Tegasnya, melalui penulisan karangan, kita dapat mengetahui tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Kelas Peralihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.4 Soal Selidik

Dalam penyelidikan ini, soal selidik disasarkan kepada murid-murid Kelas Peralihan yang sedang belajar di SMK Menglembu.

Soalan-soalan dalam soal selidik ini terdiri daripada soalan tertutup, iaitu memerlukan sampel kajian memilih salah satu daripada item yang disediakan. Dalam soal selidik, sampel kajian dikehendaki memilih antara dua kategori jawapan, iaitu sama ada "Setuju" atau "Tidak Setuju". Aspek-aspek yang ditanya merangkumi tiga bahagian, iaitu Bahagian A: Berkaitan dengan aspek-aspek kelemahan yang dihadapi oleh sampel kajian ketika menulis karangan jenis gambaran. Bahagian B: Pendedahan sampel kajian terhadap bahasa Melayu, iaitu aktiviti membaca dan mengikuti siaran media elektronik berbahasa Melayu. Bahagian C: Gred keputusan karangan Bahasa Melayu UPSR tahun 2009, dan gred keputusan karangan bahasa Melayu yang terkini untuk tahun 2010. Bahagian D merupakan item berkaitan sebab-sebab murid Kelas Peralihan kurang membaca. Contoh soal selidik dapat dilihat dalam bahagian Lampiran D. Tujuan pengkaji menggunakan soal selidik ini adalah untuk mendapatkan maklumat tambahan daripada sampel kajian tentang pendedahan mereka terhadap bahasa Melayu yang akan mempengaruhi kebolehan mereka menulis karangan bahasa Melayu. Di samping itu, pengkaji juga ingin mengetahui sama ada gred keputusan karangan yang lepas mempengaruhi tahap kebolehan menulis karangan dalam kalangan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.5 Praujian

Praujian ialah kaedah menguji alat yang telah disediakan oleh pengkaji. Pengkaji telah melakukan satu praujian untuk menguji kesahan karangan dan soal selidik ke atas sekumpulan 10 orang pelajar India di SMK Buntong, Ipoh. Selepas praujian tersebut dilakukan, pengkaji telah mengubahsuaikan beberapa soalan dalam soal selidik yang sukar difahami. Ini adalah penting supaya alat kajian tersebut mudah difahami oleh setiap murid yang bakal menjadi sampel kajian pengkaji.

3.3.6 Kaedah Temu Bual

Pengumpulan dan penyelidikan melalui temu bual ini adalah bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan Bahasa Melayu bagi murid Kelas Peralihan di sekolah kajian. Temu bual ini dijalankan secara tidak formal dengan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu bagi murid-murid Kelas Peralihan di kedua-dua sekolah berkenaan.

3.4 Prosedur Pengumpulan Data

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan pendekatan yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan ini dari peringkat awal sehinggalah ke peringkat data selesai dipungut. Ada tiga atur cara yang digunakan dalam kajian ini, iaitu atur cara sebelum kajian, atur cara semasa kajian, dan atur cara selepas kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.5 Atur Cara Sebelum Penyelidikan

Atur cara sebelum kajian tertumpu kepada proses menjalankan penyelidikan perpustakaan, permohonan surat kebenaran menjalani kajian dari Institut Pendidikan Siswazah UPSI, dan kebenaran menjalani penyelidikan di peringkat sekolah. Dalam peringkat ini, penulis juga berjumpa dengan Penyelia Petang sekolah yang dikaji, menyediakan instrumen kajian, dan persiapan lain bagi menentukan jumlah sampel kajian yang akan dijalankan.

Selepas menerima surat kebenaran dari Institut Pendidikan Siswazah Universiti Pendidikan Sultan Idris, pengkaji berjumpa dengan Pengetua dan Penyelia Petang SMK Menglembu. Tujuan berjumpa dengan mereka adalah untuk mendapatkan sampel kajian. Dengan kerjasama guru Bahasa Melayu sesi petang, maka pemilihan sampel kajian dapat ditentukan. Jumlah sampel kajian yang dipilih adalah seramai 30 orang. Setelah menentukan jumlah sampel kajian yang terlibat dalam kajian tersebut, maka pengkaji dengan bantuan guru Bahasa Melayu sesi petang sekolah berkenaan menentukan hari untuk menjalankan kajian.

3.4.6 Atur Cara Semasa Kajian

Setelah mendapat persetujuan Pengetua, murid yang dipilih sebagai sampel kajian telah diasingkan di dalam sebuah bilih khas. Mula-mula pengkaji mengedarkan soalan ujian karangan dan kertas kosong kepada murid. Sepuluh minit pertama diambil untuk memberi arahan bagaimana menjawab soalan. Semua murid diberi masa selama 45 minit untuk menyiapkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebuah karangan. Panjangnya karangan tersebut adalah **tidak kurang daripada 80 patah perkataan**. Selepas tamat ujian, kertas jawapan dikutip oleh pengkaji.

Sebaik sahaja kertas jawapan ujian karangan itu dikutip, pengkaji mengedarkan pula borang soal selidik untuk diisi oleh murid. Semua murid digalakkan bertanya kepada pengkaji sekiranya mereka menghadapi sebarang kemusykilan ketika mengisi soal selidik tersebut. Kalangan murid diberikan tempoh masa selama 30 minit untuk mengisi soal selidik tersebut. Selepas murid mengisi borang berkenaan, maka kertas soal selidik itu pun dikutip oleh pengkaji.

3.4.7 Atur Cara Selepas Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Atur cara selepas kajian ialah menganalisis data yang dikumpulkan daripada sampel kajian pengkaji. Dalam peringkat ini, semua kertas ujian penulisan karangan diperiksa secara intensif dengan menggunakan **Kaedah Pemarkahan Secara Tanggapan Menyeluruh** (*Impression*) dan **Kaedah Pemarkahan Secara Analisis** (Perincian/*Analytical*).

Kaedah Pemarkahan Secara Tanggapan Menyeluruh menilai karangan daripada segi kualiti keseluruhannya secara impresi. Kertas penulisan murid dibaca dan dinilai kualiti keseluruhan. Sesudah itu, tahap kualiti yang dicapai ditetapkan tahap pencapaian, iaitu sama ada pada tahap **cemerlang, baik, sederhana, lemah,** atau **sangat lemah.** Kajian ini menggunakan skim **Pemarkahan Secara Tanggapan Menyeluruh** yang dicadangkan oleh Abdul Aziz Abdul Talib (1996), dengan sedikit pengubahsuaian. Berdasarkan skim ini, kualiti keseluruhan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

karangan akan digredkan mengikut lima gred, iaitu gred A (Cemerlang), gred B (Baik), gred C (Sederhana), gred D (Lemah), dan gred E (Sangat Lemah).

Jadual 3.3 Tahap Kebolehan Murid Secara Keseluruhan

TAHAP KEBOLEHAN	GRED	MARKAH
Berkebolehan Cemerlang	A	81-100
Berkebolehan Baik	B	61-80
Berkebolehan Sederhana	C	41-60
Kurang Berkebolehan	D	21-40
Tidak Berkebolehan	E	0-20

Seterusnya, **Kaedah Pemarkahan Secara Analisis** menilai kualiti dengan memberikan tumpuan kepada aspek isi dari segi kerelevanan dan penyusunan isi; dan aspek penguasaan bahasa dari segi struktur dan gaya, kosa kata, dan aspek mekanis. Ini bermaksud karangan tersebut dibaca dan diberi gred berasaskan skala 5 mata, iaitu **Cemerlang, Baik, Sederhana, Lemah**, dan **Sangat Lemah** untuk setiap aspek yang diberikan tumpuan. Kajian ini menggunakan skim pemarkahan secara analisis yang dicadangkan oleh Abdul Aziz (1996: 286) dengan sedikit pengubahsuaian seperti jadual yang ditunjukkan di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4 Tahap Kebolehan Murid Dari Segi Pengolahan Isi

TAHAP KEBOLEHAN	GRED	MARKAH (Kerelevanan + Penyusunan Isi)
Berkebolehan Cemerlang	A	41-50
Berkebolehan Baik	B	31-40
Berkebolehan Sederhana	C	21-30
Kurang Berkebolehan	D	11-20
Tidak Berkebolehan	E	0-10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5 Tahap Kebolehan Murid Dari Segi Penguasaan Bahasa

TAHAP KEBOLEHAN	GRED	MARKAH (Struktur & gaya + Kosa Kata + Mekanis)
Berkebolehan Cemerlang	A	41-50
Berkebolehan Baik	B	31-40
Berkebolehan Sederhana	C	21-30
Kurang Berkebolehan	D	11-20
Tidak Berkebolehan	E	0-10

3.5 Prosedur Penganalisisan Data

Bahagian ini akan dibincangkan kaedah penganalisisan data kajian yang diperoleh supaya matlamat kajian dapat dicapai sepenuhnya. Data kajian yang diperoleh akan dianalisis secara deskriptif dan secara statistik. Data yang bersifat kualitatif dianalisis menerusi analisis deskriptif, manakala data yang bersifat kuantitatif akan dianalisis statistik. Selepas itu, perbincangan dan pentafsiran hasil akan dilakukan.

3.5.5 Analisis Deskriptif

Data-data yang diperoleh melalui beberapa kaedah khususnya kaedah ujian penulisan karangan, kaedah temu bual dan soal selidik akan dianalisis secara kualitatif. Analisis deskriptif bertujuan untuk memproses data bagi melihat aspek kelemahan dan pola kesalahan yang dilakukan murid berpandukan ujian penulisan karangan. Di samping itu, analisis deskritif juga bertujuan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menganalisis data bagi menyelami faktor-faktor yang menyebabkan pelajar lemah dalam aspek kemahiran menulis karangan.

3.5.5.1 Analisis Deskriptif: Ujian Penulisan Karangan

Data yang dikumpulkan melalui ujian penulisan karangan dianalisis untuk menentukan taraf penguasaan subjek kajian dalam kemahiran menulis. Taraf penguasaan diukur berdasarkan tahap pencapaian subjek pengkaji dalam ujian tersebut. Petunjuk ini bermakna bahawa semakin banyak kesalahan bahasa dan kelemahan isi yang dituliskan oleh sampel kajian, maka semakin lemahlah sampel kajian tersebut terhadap penguasaan bahasa dan penguasaan isi atau sebaliknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Data-data yang diperoleh melalui ujian ini akan diperiksa secara intensif dengan tujuan untuk mengesan aspek-aspek kelemahan dalam penulisan. Perincian kemahiran menulis karangan akan dilihat dari aspek bahasa, kaitan isi dengan tajuk, kelancaran atau gaya dan kelicinan komunikasi, serta aspek mekanis (tanda baca dan ejaan). Seterusnya pola-pola kesalahan tersebut akan diinterpretasi dan dihuraikan secara deskriptif.

Ketika menganalisis data karangan murid, pengkaji akan menggunakan beberapa buah teks sebagai asas pengukuran untuk menentukan sesuatu kesalahan bahasa dan kualiti penulisan di kalangan sampel kajian. Antara teks yang akan digunakan oleh pengkaji ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(1) *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* hasil karyaan Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (2008).
(2) *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia* (1986).
(3) *Tatabahasa Perbandingan: Bahasa-Bahasa Malaysia, Cina, Tamil, dan Inggeris* hasil karyaan Lutfi Abas (1977).
(4) *Ketrampilan Menulis* hasil karyaan Mohd. Sidin Ahmad Ishak (1992).

3.5.5.2 Analisis Deskriptif: Soal Selidik Murid

Kaedah soal selidik murid telah menyediakan sebahagian besar data yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu bagi sampel kajian. Data-data tersebut akan ditafsir dan dihuraikan secara deskriptif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.6 Analisis Statistik

Pendekatan statistik digunakan untuk mencari hasil yang tepat dan bersifat kuantitatif. Markat-markat yang diperoleh daripada ujian penulisan karangan akan dianalisis melalui pendekatan statistik untuk mencari ukuran purata dan peratusan tentang tahap kebolehan murid dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

Analisis peratus digunakan untuk mendapatkan tahap kebolehan peratus bilangan murid yang mendapat menulis karangan dalam bahasa Melayu. Untuk mendapatkan nilai peratus tersebut, kekerapan murid yang memperoleh sesuatu gred dibahagikan dengan jumlah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keseluruhan sampel kajian, kemudian didarabkan pula dengan 100. Formula adalah seperti yang berikut:

$$\frac{\text{Kekerapan bilangan murid yang memperoleh sesuatu gred}}{\text{Jumlah sampel kajian}} \times 100$$


Manakala purata sampel bagi tahap kebolehan menulis secara keseluruhan dapat diukur dengan mendarabkan penengah markah dengan bilangan sampel kajian yang memperoleh gred tersebut, kemudian bahagi dengan jumlah sampel kajian secara keseluruhan. Formula adalah seperti yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$$\frac{\text{Bilangan sampel kajian yang memperoleh gred tersebut x penengah markah}}{\text{Jumlah sampel keseluruhan}}$$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1 Model Pengumpulan Dan Penganalisisan Data Penyelidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB IV

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan memaparkan hasil dapatan kajian daripada data yang terkumpul. Data daripada karangan dan jawapan soal selidik murid akan dianalisis oleh pengkaji.

4.2 Perihalan Sampel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sampel kajian untuk kertas projek ilmiah ini terdiri daripada 30 orang murid yang sedang belajar di Kelas Peralihan, di sebuah sekolah menengah kebangsaan, Ipoh. 30 orang murid tersebut dipilih dari Peralihan Epsilon, dan Peralihan Chi. Untuk menggambarkan bilangan responden secara seimbang, pengkaji telah memilih daripada 30 sampel kajian ini, sebanyak 15 murid perempuan dan 15 murid lagi lelaki. Kesemua mereka adalah pelajar berbangsa India, serta berumur 13 tahun. Sebelum belajar di Kelas Peralihan, mereka pernah belajar di SJK (T) selama enam tahun. Sampel kajian telah menduduki UPSR pada bulan September tahun 2009. Hasil daripada ujian berkenaan, hanya 4 sampel memperoleh gred D dalam bahagian Penulisan. Selebihnya sebanyak 26 sampel kajian memperoleh gred E dalam peperiksaan Penulisan UPSR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi status sosioekonomi, didapati bahawa kebanyakan daripada sampel kajian berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah, iaitu sumber pendapatan ibu bapa hanya mencapai antara RM501.00-RM1000.00 adalah sebanyak 20 orang pelajar. Bagi ibu bapa yang berpendapatan antara RM1001.00-RM1500.00 adalah sebanyak 2 orang. Terdapat 2 orang pelajar yang ibu bapa mereka mempunyai pendapatan lebih daripada RM2001.00 sebulan. Justeru, dapatlah dikatakan bahawa status sosioekonomi bagi sampel kajian pengkaji rata-ratanya berada pada miskin. Keaadaan tersebut dapat ditunjukkan melalui jadual yang berikut:

Jadual 4.1 Status Sosioekonomi Bagi Sampel Kajian

Jumlah Pendapatan Bulanan Bagi Keluarga Sampel Kajian	**Bilangan Sampel Kajian**
RM2001 dan lebih	2 orang
RM1501-RM2000	0 orang
RM1001-RM1500	2 orang
RM501-RM1000	20 orang
RM500 dan kurang	6 orang
Jumlah Besar	30 orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Keputusan Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji akan memaparkan hasil dapatan daripada karangan murid-murid Kelas Peralihan. Soal selidik yang diisi oleh sampel kajian akan dijadikan bahan perbincangan. Tujuan utama pengkaji menganalisis karangan adalah untuk mengenal pasti aspek-aspek kelemahan yang kerap dilakukan oleh kalangan murid Kelas Peralihan ketika menulis esei bahasa Melayu. Soal selidik digunakan untuk memperoleh maklumat tambahan berhubung dengan pendedahan murid terhadap keupayaan bahasa Melayu mereka. Berikut adalah dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian yang akan pengkaji paparkan satu persatu berpandukan soalan kajian yang telah dikemukakan dalam Bab I.

Soalan 1

Apakah tahap kebolehan murid Kelas Peralihan dalam menulis karangan jenis gambaran?

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa secara keseluruhan sebahagian besar murid, iaitu lebih separuh (60.00%) daripada sampel kajian, berkebolehan lemah (Gred D) dalam penulisan karangan jenis gambaran. Yang lain, kira-kira suku daripada sampel adalah pada tahap lemah Gred E (23.33%), dan tahap sederhana Gred C (16.67%). Secata total, tiada seorang pun murid yang mencapai tahap cemerlang (Gred A) atau tahap baik (Gred B).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 Tahap Kebolehan Murid

Tahap Kebolehan	Gred & Markah	Secara Keseluruhan		Penyampaian (Olahan)		Isi		Penguasaan Bahasa	
		*	**	*	**	*	**	*	**
Cemerlang	A1(81-100)	0	0	0	0	0	0	0	0
Baik	B (61-80)	0	0	0	0	0	0	0	0
Sederhana	C (41-60)	5	16.67	3	10.00	9	30.00	4	13.34
Lemah	D (21-40)	18	60.00	13	43.33	14	46.67	13	43.33
Sangat Lemah	E (0-20)	7	23.33	14	46.67	7	23.33	13	43.33
	Jumlah	30	100	30	100	30	100	30	100

Petunjuk: * kekerapan **peratus

Gambaran yang hampir sama wujud apabila penulisan murid diteliti dari segi pengolahan isi dan penguasaan bahasa. Kebanyakan murid berada pada tahap lemah dan sangat lemah (Gred D dan E) dalam pengolahan isi, iaitu sebanyak 90.0%. 30% daripada rseponden mencapai tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sederhana (Gred C) dalam mengutarakan isi yang relevan. 86.66% responden menunjukkan tahap lemah dan sangat lemah dalam penguasaan bahasa. Hasil penganalisisan menunjukkan apabila penguasaan bahasa lemah, maka pengolahan isi dalam kalangan murid turut menjadi lemah. Ini dapat dibuktikan dengan perolehan sebanyak 43.33% dalam kategori sangat lemah untuk penguasaan bahasa yang mengakibatkan dapatan angka 46.67% dalam bidang pengolahan isi. Lebih banyak murid yang lemah dalam aspek penguasaan bahasa dan pengolahan isi berbanding dengan aspek mengutarakan isi yang wajar. 30% boleh menyampaikan isi yang wajar, namun hanya 10% yang dapat mengolah isi dengan baik dan 13.34% yang menunjukkan tahap sederhana dalam penguasaan bahasa.

Markah purata sampel kajian bagi kebolehan secara keseluruhan ialah sebanyak 18.3%, manakala kebolehan dari segi penguasaan bahasa ialah 13.21%, dan kebolehan dari pengolahan isi bahasa ialah 4.67%. Kesemuanya dalam tahap lemah, kecuali aspek pengolahan isi pada tahap sangat lemah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan 2

Apakah aspek-aspek kelemahan yang dihadapi oleh murid Kelas Peralihan ketika menulis karangan jenis gambaran?

Setelah menganalisis data karangan murid, antara aspek kelemahan yang sering dilakukan oleh murid ketika menulis karangan jenis gambaran adalah seperti yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(a) Kelemahan bahasa,

(b) Kelemahan teknik mengarang,

(c) Kelemahan isi,

(d) Kelemahan dalam tulisan.

Huraian satu persatu aspek kelemahan tersebut adalah seperti yang berikut:

(a). Kelemahan Bahasa

Berdasarkan data kajian, pengkaji mendapati bahawa kalangan murid Kelas Peralihan yang menjadi sasaran kajian lemah dalam penguasaan tatabahasa Melayu. Mereka tidak dapat menggunakan bahasa dengan sempurna dan seringkali melakukan kesilapan bahasa. Gaya bahasa mereka dangkal kerana sampel kajian tidak pandai menganekaragamkan susuk-susuk ayat yang digunakan dalam esei. Terdapat banyak ayat tergantung dari segi tatabahasa dan makna yang hendak disampaikan.


Dapatan ini menyokong hasil penulisan Zulkifli Osman (2003: 41). Menurut beliau, murid perlu menguasai kemahiran membaca jika mereka ingin menghasilkan sebuah karangan berkualiti. Aktiviti membaca saling melengkapi dengan aktiviti menulis. Melalui pembacaan, murid memperoleh maklumat atau idea tentang sesuatu perkara yang ingin dibincangkannya. Melalui pembacaan juga, murid dapat menilai bentuk penulisan yang lain. Kekayaaan isi murid yang membaca tidak sama dengan murid yang tidak membaca. Justeru itu, seseorang murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlu rajin membaca. Sambil-sambil membaca murid perlu membuat catatan perkara penting yang terdapat dalam bahan bacaan tersebut untuk memantapkan hasil karangan.

Tegasnya, pertalian antara menulis dan membaca adalah amat rapat. Seseorang itu tidak mungkin menjadi penulis yang baik tanpa banyak membaca. Rajah di bawah menunjukkan pertalian antara penulisan dan bahan bacaan.



Rajah 4.1: Pertalian Antara Penulisan dan Bahan Bacaan
Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada Abdul Aziz Abdul Talib (2000: 331)

(i). Ayat Yang Tidak Gramatis

Dalam aspek struktur ayat, murid-murid didapati mengalami kesulitan untuk membina ayat-ayat yang gramatis. Faktor yang mendorong mereka melakukan kesalahan tersebut adalah pengaruh bahasa pasar **(KA1)**, pola ayat yang salah dari segi makna **(KA2)**, dan struktur bahasa Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(KA3). Menurut Larry Selinker (1974: 75), keadaan yang sedemikian berlaku kerana murid-murid yang belajar bahasa kedua (B2) mempunyai unsur-unsur linguistik tertentu dalam B2 yang didasarkan daripada bahasa pertama (B1).

Abdullah Hassan (2006: 302), berpendapat bahawa terdapat pertelingkahan di antara rumus yang lazim berlaku dalam perubahan fonologi bahasa Melayu. Kemasukan dasar asing biasanya tidak mematuhi perubahan morfofonologi bahasa Melayu. Sebelum ini, Peter Trudgill (1974) menyatakan bahawa perbezaan kumpulan etnik mungkin berkorelasi dengan ciri-ciri tatabahasa sesuatu bahasa yang cuba dikuasai oleh kumpulan etnik itu. Hasil kajian menunjukkan bahawa keadaan seperti ini berlaku secara meluas di semua peringkat bahasa sama ada pada peringkat morfologi mahupun peringkat sintaksis. Akibat pemindahan bahasa daripada bahasa Tamil kepada bahasa Melayu ketika menulis karangan bahasa Melayu, tidak terlepas wujudnya pelbagai kesalahan bahasa.

Kenyataan ini disokong oleh Zamri (2008: 63) yang mendapati prestasi murid-murid India dalam Bahasa Melayu pada peringkat menengah rendah ini masih tidak memuaskan walaupun mereka telah mempelajari Bahasa Melayu sejak dari Tahun 1. Sebahagian besar murid-murid India Kelas Peralihan tersebut dipengaruhi oleh struktur bahasa ibunda.

Contoh-contoh kesalahan adalah seperti yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 KA1: Pengaruh Bahasa Pasar

	Kesalahan	Sepatutnya
1.	*Lagi pun *itu tempat yang bising*.	Lagi pun tempat itu sangat bising.
2.	**Sana orangramai* datang berpusu-pusu.	Orang ramai datang berpusu-pusu ke sana
3.	*Tapi, *dalam pasar malam ada* beberapa orang lelong dia punya barang dengan kuat.	Sewaktu pasar malam diadakan, terdapat beberapa orang melelong barang jualannya dengan suara yang kuat.
4.	*Pada suatu malam saya dan keluargasaya pergi ke pasar malam emak saya membeli belah sanalah ada barang murah.	Pada suatu malam, saya seisi keluarga pergi ke pasar malam yang terkenal dengan jualan murahnya kerana emak ingin membeli belah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4 KA2: Pola Ayat Yang Salah Dari Segi Makna

	Kesalahan	Sepatutnya
1.	*Pasar malam buka satu bulan satu kali saja hari Selasa, hari Khamis.	Pasar malam beroperasi dua kali seminggu, iaitu hari Selasa dan Khamis.
2.	*Saya suka bali baju kasut sanah ada jual buku pencil pen barang sekolah baju sekolah kasut sekolah.	Saya suka membeli baju, kasut, pensel, pen dan barang keperluan sekolah yang lain di sana.
3.	*Saya dan keluarganya pulang ke rumah saya.	Saya sekeluarga pulang ke rumah.
4.	*Selepas itu, emak menjalan kaki.	Selepas itu, emak mula mengunjungi gerai lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5 KA3: Struktur Bahasa Tamil

	Kesalahan	Sepatutnya
1.	*Pasar malam *ada tutup pukul* 10.00 malam.	Gerai-gerai di pasar malam ditutup pukul 10.00 malam.
2.	**Macamana itu ialah* kita boleh dapat senang yang barang itu.	Kita boleh memperoleh pelbagai barang dengan mudah.
3.	*Penjual jual *lelong punya barang.*	Penjual menjual barangnya secara lelong.
4.	**Orang mana jual barang murah* membeli banya.	Orang membeli barang dengan banyak dari penjual yang sanggup menjual dengan murah.

(ii) Kesalahan Ejaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan yang diperoleh menunjukkan bahawa kesilapan penggunaan ejaan masih menjadi masalah dalam penulisan murid-murid. Kesalahan ini berlaku disebabkan dua kemungkinan. Pertama, sampel kajian melakukan kesalahan penulisan tanpa disedari. Kedua, mereka sememangnya tidak mengetahui ejaan tepat menurut sistem ejaan rumi bahasa Melayu. Tidak dapat disangkal bahawa sampel kajian sememangnya melakukan kesalahan tersebut dengan tidak sengaja, tetapi bilangannya kecil. Pengkaji mentafsirkan sebegitu kerana mendapati banyak kesalahan ejaan murid-murid dipengaruhi sebutan bahasa Melayu lisan. Kebiasaan mendengar atau melihat ejaan salah boleh menyebabkan murid-murid menulis dengan ejaan yang tidak betul. Justeru, cara menyebut perkataan yang tidak menurut sebutan baku itu mempengaruhi cara sampel kajian menulis atau mengeja perkataan itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dilihat dari perspektif kesilapan ejaan, Teo Kok Seong (2006: 700) menegaskan kerancuan dalam bentuk pelanggaran nahu baku bahasa Melayu, dalam ranah rasmi penulisan sudah lama berlaku. Masyarakat Malaysia khususnya murid-murid Tamil tidak berjaya menguasai nahu baku bahasa Melayu. Kesalahan mengeja mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia yang dilancarkan pada 1972, masih berleluasa di Malaysia. Nampaknya, sebilangan besar masyarakat Malaysia terutamanya etnik India Tamil tidak dapat memahami dan menguasai ejaan bahasa Melayu dengan baik.

Antara contoh kesalahan tersebut adalah seperti di bawah:

Jadual 4.6 KE1: Kesalahan ejaan yang dipengaruhi oleh bahasa Melayu lisan

Kesalahan	**Sepetutnya**	**Kesalahan**	**Sepatutnya**
1. *pegi	pergi	6. *abes	habis
2. *banya	banyak	7. *sayu	sayur
3. *siki	sedikit	8. *ruma	rumah
4. *me	mi	9. *sebakainya	sebagainya
5. *berang	barang	10. *tak	tidak

Jadual 4.7 KE2: Kesalahan ejaan yang tidak tepat dipengaruhi oleh kecuaian murid

Kesalahan	**Sepatutnya**	**Kesalahan**	**Sepatutnya**
1. *angur	anggur	6. *satiek	sate
2. *cotoh	contoh	7. *sanah	sana
3. *india	India	8. *hinga	hingga
4. *untu	untuk	9. *borong	barang
5. *lepap	lepak	10. *buah-buaha	buah-buahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8 KE3: Kesalahan yang tidak tepat tetapi hanya dapat diketahui maksud melalui konteks ayat

Kesalahan	Sepetutnya	Kesalahan	Sepatutnya
1. *melepah	melepak	6. *pising	bising
2. *mebeli	membeli	7. *kenteng	kentang
3. *tavar-menauwa	tawar-menawar	8. *kerang	kerana
4. *berduka	berbuka	9. *hara	harga
5. *buit	duit	10.*suma	semua

(iii) Pemilihan Kata Yang Kurang Tepat

Secara keseluruhan, dapatlah dikatakan bahawa penguasaan leksikon dalam kalangan murid India Tamil Kelas Peralihan khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu masih terbatas. Untuk mengatasi masalah penguasaan bahasa, murid-murid sering memilih perkataan yang tidak tepat untuk menyampaikan sesuatu maksud. Terdapat empat aspek kesalahan yang seringkali dilakukan oleh sampel kajian. Aspek kesalahan tersebut dapat dicerakinkan mengikut kesalahan penggunaan kata yang tidak tepat **(KK1)**, kesalahan penggunaan kata bahasa Melayu lisan **(KK2)**, penterjemahan perkataan bahasa Tamil secara langsung **(KK3)**, dan kesalahan penggunaan kata dari aspek semantik **(KK4)**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh:

Jadual 4.9 KK1: Kesalahan penggunaan kata yang tidak tepat

Kesalahan	Sepatutnya
1. *Sebab and makanan beli hara murah.	Orang ramai dapat membeli makanan dengan harga murah.
2. *Pasar malam di mula ialah peteng pukol 7:00.	Pasar malam mula beroperasi pukul 7.00 malam.
3. *pada satu Hari saya periki pasar dari kawan-kawang yang sebaya.	Saya pergi ke pasar malam dengan kawan-kawan sebaya.
4. *Alat pembesar suara berpising.	Alat pembesar suara berbunyi kuat dan langsing.

Jadual 4.10 KK2: Kesalahan penggunaan kata bahasa Melayu lisan

Kesalahan	Sepatutnya
1. *Saya dan *keluarganya* suka pasar malam.	Saya sekeluarga suka pergi ke pasar malam.
2. *Barang yang lelong *atau* menarik pembeli.	Barang yang dijual secara lelong menarik pembeli.
3. *Semua orang mesti *tau* pasar malam ialah bising.	Orang ramai mengetahui bahawa pasar malam agak bising.
4. *Kita tak perlu membeli barang-barang di tesco.	Kita tidak perlu membeli barang di pasar raya Tesco.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11 KK3: Penterjemahan perkataan bahasa Tamil secara langsung

Kesalahan	Sepatutnya
1. *Pasar malam ialah cina, india, melayu satu kumpul di sana ada.	Masyarakat berbilang kaum berkumpul di pasar malam.
2. *Pasar malam di Taman saya sangat panjang dari jalan raya.	Gerai-gerai di pasar malam di taman perumahan saya kelihatan tersusun panjang.
3. *Pasar malam barang jualan daging ayam, ikan dan sayur-sayuran.	Daging ayam, ikan dan sayur-sayuran dijual di pasar malam.
4. *Saya dan keluarga setiap minggu pergi ke pasar malam dengan jiran kita.	Setiap minggu, saya sekeluarga bersama jiran mengunjungi pasar malam.

Jadual 4.12 KK4: Kesalahan penggunaan kata dari segi semantik

Kesalahan	Sepatutnya
1. *Kita ada beli belah banyak barang.	Kami membeli-belah banyak barang.
2. *Apa yang kita perlukan barang ada dipasar malam.	Barang keperluan harian kita dijual di pasar malam.
3. *Ada penjual menarik pembeli untuk beli barang.	Sesetengah penjual menarik perhatian pembeli untuk membeli barang mereka.
4. *Orang membeli barang suka di pasar malam.	Orang ramai membeli barang kesukaan mereka di pasar malam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iv) Kesalahan Penggunaan Imbuhan Yang Kurang Tepat

Daripada skrip karangan murid-murid, beberapa kesalahan penggunaan imbuhan dalam bahasa Melayu telah dapat dikesan, iaitu tidak menggunakan atau mengabaikan penggunaan imbuhan **(KI 1)** dan penyalahgunaan imbuhan **(KI 2)**.

Contoh:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.13 KI 1 Mengabaikan Penggunaan Imbuhan

Kesalahan	**Sepatutnya**
1. *beli	membeli
2. *perlukan	diperlukan
3. *jimatkan	menjimatkan
4. *beli-belah	membeli-belah
5. *dekat	berdekatan

Jadual 4.14 KI 2 Penyalahgunaan Imbuhan

Kesalahan	**Sepatutnya**
1. *menbeli	membeli
2. *membelian	pembeli
3. *menjualan	penjual
4. *menjual	dijual
5. *subangan	subang

Daripada skrip karangan murid-murid, beberapa kesalahan penggunaan imbuhan dalam bahasa Melayu telah dapat dikesan, iaitu tidak menggunakan atau mengabaikan penggunaan imbuhan **(KI 1)** dan penyalahgunaan imbuhan **(KI 2)**.

Menurut Koh Boh Boon (1982b: 51), terdapat perbezaan antara tatabahasa bahasa Melayu dan tatabahasa Tamil. Menurut beliau, "... sebenarnya imbuhan tidak wujud dalam bahasa Tamil mahupun bahasa Cina. Bahasa Melayu sering menggunakan imbuhan untuk menerangkan atau menghalusi makna perkataan. Sementara bahasa Tamil dan bahasa Cina menggunakan satu perkataan atau beberapa perkataan tertentu yang biasa diletakkan di hadapan perkataan yang hendak diterangkan itu. Melalui keterangan tersebut, maka tidak hairanlah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kenapa murid-murid Kelas Peralihan melakukan kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

(v) Kesalahan Penggunaan Huruf Besar

Secara keseluruhannya, kesalahan huruf besar (HB) tidaklah begitu ketara dilakukan oleh subjek kajian. Antara jenis kesalahan HB yang dilakukan oleh sampel kajian ialah tidak menggunakan huruf besar bagi perkataan pertama dalam ayat baharu **(HB 1)**, nama khas yang tidak dimulakan dengan huruf besar **(HB 2)**, dan kesalahan menggunakan huruf besar pada tempat yang tidak memerlukannya **(HB 3)**.

Contoh kesalahan HB:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15 HB 1: Tidak Menggunakan Huruf Besar bagi Perkataan Pertama dalam Ayat Baharu

Kesalahan	Sepatutnya
1. **ibu* saya membeli-belah.	Ibu saya membeli-belah.
2. **pasar* malam suda habis 10.00 malam.	Pasar malam ditutup operasinya 10.00 malam.

Jadual 4.16 HB 2: Nama Khas yang Tidak Dimulakan Huruf Besar

Kesalahan	Sepatutnya
1. *Pasar malam ialah cina, india, melayu, satu kumpul di sana ada.	Orang Cina, India dan Melayu datang berkumpul di pasar malam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17 HB 3: Menggunakan Huruf Besar pada Tempat yang Tidak Memerlukannya

Kesalahan	Sepatutnya
1. *Di situ ada *Ramai* orang datang.	Di pasar malam itu, ramai orang yang datang.
2. *Ada *Penjual* menarik pembeli untuk membeli barang.	Ada penjual yang menarik perhatian pembeli untuk membeli barang mereka.

(vi) Kelemahan dalam Penggunaan Tanda Baca

Kajian yang dilakukan ke atas skrip jawapan menunjukkan masih terdapat murid-murid yang tidak cekap dalam aspek penggunaan tanda bacaan. Akibatnya terbentuklah ayat-ayat yang melanggar nahu bahasa Melayu baku. Contoh:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.18 Kesalahan dalam penggunaan tanda baca

Kesalahan	Sepatutnya
1. *Ada pakaian seperti baju, topi, jam tangan kasut.	Ada pakaian seperti baju, topi, jam tangan, dan kasut.
2. *Penjual pula lelong barang, manarikan pembeli.	Penjual pula melelong barang, dan menarik perhatian pembeli.
3. *Keadaan pasar berbau, kerana di sini dijual ayam;ikan;daging; dan jenis-jenis.	Keadaan pasar berbau kerana di sini ada dijual ayam, ikan, daging dan pelbagai jenis barang keperluan yang lain.
4. *Di dalam pasar keadaan berbau, busuk dan kotor ada orang menjual ikan dan ayam.	Keadaan pasar tidak menyenangkan kerana berbau dan kotor kerana ada orang menjual ikan dan ayam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(b) Kelemahan Teknik Mengarang

(i) Menulis paragraf pendahuluan yang kurang berkesan

Kajian yang dilakukan ke atas skrip karangan murid menunjukkan bahawa kalangan murid gagal menulis paragraf pendahuluan dengan baik, malahan mereka hanya menulis satu atau dua ayat sahaja untuk bahagian pendahuluan. Misalan:

1. *Pada hari suatu, saya dan keluarga saya pergi ke pasar malam ke Taman Bukit Merah. Pasar malam mula pada pukul 7.00 malam. (n2)
2. *Pasar malam ialah cina, india, melayu, satu kumpul di sana ada. Mula pasar malam pukul 7.00 hingga 10.00 malam sudah habis. (n3)
3. *Pada suatu hari Jumaat mengadakan pasar malam di tempat tinggal saya. Pasar malam mulakan pukul 7.00 dan habis 10.00 malam. (n5)
4. *Saya perki di pasar malam. Pasar malam pukul 7.00 dan habis 10.00 malam. (n7)
5. *Ini pasar malam. Pasar malam mulapukul 7.00 dan habis 10.00 malam. (n11)
6. *Pada hari yang lalu, saya dan keluarga saya pergi ke pasar malam di Bukit Merah. Kami pergi ke pasar malam dengan menaiki kereta. (n16)
7. *Pasar malam ialah sebuah kedai. di sana ada ramai orang membeli belah. Di ada barang-barang yang kita gunakkan. (n22)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(ii) Menulis paragraf penutup yang longgar atau kurang kemas atau tidak berkesan

Contoh:

1. *Pasar malam habis pada pukul 10.00 malam. (n2)
2. *Pasar malam yang mengadakan cuacayangbising. Orang yang penjualan lelongkan barangan-baragan. Orang yang pembeli tawar-menawar harga orang penjualan. Orang penjualan alat pembesar suara yang bising. (n4)
3. *Orang suka sebab ada makanan, beli barang dan harga murah di dalam pasar malam. (n6)
4. *Di pasar malam orang menjual lelong di sanah ada menarik pembeli. Orang menjual barang-barang tavar-menauwa di pasar malam. (n20)
5. *Kita pergi pasar malampun kita dapat baik. Macamana itu ialah kita boleh dapat senang yang barang itu. (n23)
6. *Saya dan keluarga saya makan di kedai dan pulang ke rumah dengan gembira. Kita pulang ke rumah pada pukul 10.00 malam. sangat gembira. (n26)
7. *Penjual pula lelong barang, menarikan pembeli. Pembeli juga buat tawaran pada penjual. (n29)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iii) Menulis paragraf-paragraf isi yang kurang padu, iaitu tanpa fokus dan penghuraian yang jelas

1. *Pasar malam mengadakan banyak jenis-jenis barang yang jualan. Pasar malam ada iaitu daging ayam, ikan, sayur-sayuran, buah-buahan, dan minumansetelah yangbanyak. (n4)
2. *Pasar malam ada banyak kedai. Sebagai kedai daging ayam, kedai ikan, kedai sayur-sayuran, kedai buah-buahan, minuman jus dan makanan yang goreng ialah mi goreng, kueh teow goreng, nasi goreng, kenteng goreng dan sebagai. (n8)
3. *Setelah itu, di dalam ramai orang membeli belah. Di pasar malam barangnya harga adalah sangat murah. Itu sebab ramai orang suka membeli barang. Di sana budak kecil membeli alat permainan. (n19)
4. *Ibu saya membeli belah Barang jualan dan sangat murah Pasar malam contohnya dan barang-barang jualan. (n21)
5. *Kita pergi ke sana ada nampak banyak orang. pasar malam itu sangat riuh-rendah. ada banyak gerai minuman, gerai buah-buahan, gerai pakaian dan sebagainya. (n26)
6. *Lagipun di pasar malam ada barang jualan yang murah. Pasar malam buka pada 07:00 malam hingga 10.00 malam sebab itu ada orang pergi selepas habis kerja pada pukul 08.00 malam. (n29)
7. *saya suka lepap di pasar malam kerana banyak kawan kawan boleh nampa di pasar malam. Di pasar malam orang memasakkan me goreng, koitiau goreng. Di pasar malam ada menjual makanan ayam goreng, Nasi lemak, satiek, burgerer pau. (n30)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(c) Kelemahan Isi

(i) Isi-isi karangan yang terpesong daripada kehendak tajuk karangan

1. *Pasar malam banyak bising kerana *helang* tawar-menawar. (n7)
2. *Mula-mula kita masuk di *pasar* saya membeli buah-buahan. (n19)

(ii) Isi karangan yang kurang releven

1. *Semua orang suka pergi ke pasar malam kerana sebab tidak makan. (n8)
2. *Di sana pembeli semua memegang sekurang-kurangnya tiga plastik. (n14)
3. *Pasar malam ada tutup pukul 10.00 malam pasar malam buka satu bulan satu kali saja hari Selasa, hari Khamis. (n17)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iii) Ketiadaan isi sampingan yang berfungsi untuk menghuraikan isi utama

1. *Seorang membeli mi goreng, kueh teau goreng, nasi goreng dan kentang goreng. (n2)
2. *Orang ramai mari ke pasar malam untuk membeli belah dan juga ada orang seorang, datang dengan teman dan pelbagai. (n29)
3. *Ibu saya membeli belah barang jualan dan sangat murah. (n21)

Dalam aspek penyampaian isi karangan, pengkaji mendapati bahawa sampel kajian gagal menghuraikan isi karangan dengan menggunakan bahasa yang gramatis. Sampel kajian mengemukakan isi yang kurang relevan dengan tajuk karangan. Ada juga murid mengemukakan isi yang menyeleweng daripada tajuk karangan. Pada pendapat pengkaji, hal ini berlaku kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sikap murid yang tidak gemar membaca bahan bacaan bahasa Melayu yang bermutu. Kenyataan ini sama seperti kenyataan Nawi Ismail (2002: 45). Menurut beliau, segelintir murid lebih meminati bahan bacaan yang memfokuskan hiburan berbanding dengan majalah serta rencana akhbar yang mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan. Sikap murid yang sedemikian menimbulkan implikasi bahawa maklumat yang dimiliki oleh mereka tidak seberapa. Keadaan ini menggagalkan murid Kelas Peralihan menghasilkan karangan yang berkualiti dan meyakinkan pemeriksa.

(iv) Kes hasil tulisan tidak membawa sebarang makna konkrit

1. *Pasar malam yang mengadakan cuaca yang bising. (n4)
2. *Yang seterusnya, dia suka hati yang dia awak kepada dapat yang lelong, dan tawar-menawar yang di sesuai untuk yang harga alat pembesar suara. (n10)
3. *Kawan-kawan mera beli ika, mei buang-buang. (n12)
4. *Setelah itu, di dalam ramai orang membeli belah. (n19)
5. *Ibu saya berteyeng ramai orang dan ramai kedai. (n21)
6. *barang-barang menjual di pasar malam ialah Buah. (n30)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(d) Kelemahan dalam tulisan

1. Menulis huruf dengan bentuk yang tidak lengkap

sedikit	ditulis	'siki' (n7)
anggur	ditulis	'angur' (n19)
contoh	ditulis	'cotoh' (n21)
habis	ditulis	'abes' (n23)
nampak	ditulis	'nampa' (n30)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Menulis huruf dengan bentuk terbalik

kueh teau	ditulis	'kueh tean' (n2)
sebab	ditulis	'sebap' (n3)
buah	ditulis	'bauh' (n12)
duit	ditulis	'buit' (n13)
tembikai	ditulis	'tempikai' (n27)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Menulis perkataan tidak lengkap

banyak	ditulis	'banya' (n6)
pasar	ditulis	'pasa' (n21)
tidak	ditulis	'tak' (n22)
hingga	ditulis	'hinga' (n24)
nampak	ditulis	'nampa' (n30)

Soalan 3

Apakah masalah-masalah yang kerap dihadapi oleh murid dalam penulisan karangan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada hasil analisis respons dalam borang soal selidik murid, didapati bahawa ada tujuh jenis masalah yang kerap dihadapi murid dalam penulisan karangan, iaitu:

Jadual 4.19: Jenis-jenis Masalah Penulisan Karangan
(Berdasarkan Respons dalam Soal Selidik Murid)

Bil.	Jenis Masalah	Peratus
1.	Kesukaran untuk memikirkan isi releven/bernas	80.00
2.	Tidak mempunyai isi yang cukup	76.67
3.	Tidak dapat mengolah karangan dengan menarik dan berkesan	76.67
4.	Gagal menggambarkan kehendak soalan dengan isi yang releven	76.67
5.	Tidak menguasai tatabahasa Melayu	66.67
6.	Tidak dapat menguasai teknik penulisan karangan jenis gambaran	63.33
7.	Kelemahan dalam aspek mekanis seperti ejaan dan tanda baca	43.33

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara jenis masalah yang dinyatakan, jelas bahawa masalah dari segi kesukaran untuk memikirkan isi yang bernas merupakan masalah yang paling serius berdasarkan kekerapan murid yang bersetuju. Sebanyak 80% pelajar bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah tersebut ketika menulis karangan bahasa Melayu. Masalah tidak mempunyai isi yang cukup, masalah tidak dapat mengolah karangan dengan menarik dan masalah gagal menggambarkan kehendak soalan dengan isi yang bernas sama-sama mencatatkan angka 76.67%. Masalah tersebut jelas mencacatkan kualiti penulisan murid kerana 76.67% adalah peratusan yang besar, yakni murid mengakui menghadapi masalah berkenaan.

Masalah seterusnya adalah dari segi tidak menguasai tatabahasa Melayu. Hal ini dipersetujui oleh 66.67% daripada jumlah murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

43.33% pelajar mengakui bahawa mereka lemah dalam aspek mekanis seperti ejaan dan tanda baca ketika menulis. Bagaimanapun, penyelidik sangsi dengan hasil data sebanyak 43.33% tersebut kerana penyelidik sendiri telah menyaksikan pelbagai kesalahan ejaan dan tanda baca ketika murid menghasilkan karangan jenis gambaran.

Masalah-masalah murid yang telah dikenal pasti daripada respons murid dalam borang soal selidik disokong oleh guru Bahasa Melayu sampel kajian. Hasil temu bual dengan guru bahasa Melayu peringkat Kelas Peralihan, guru-guru telah memberi komen dalam temu bual mereka dengan pengkaji. Dari segi struktur dan gaya, lazimnya murid menggunakan kata yang kurang tepat, murid banyak melakukan kesalahan penggunaan imbuhan. Hal ini demikian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana imbuhan tidak wujud dalam bahasa Tamil (BT). Oleh itu, kebanyakan pelajar India Tamil yang menerima pendidikan sekolah rendah mereka dari SJK (T) akan terpengaruh oleh bahasa ibunda mereka. Berikut ialah hasil temu bual pengkaji dengan dua orang guru Bahasa Melayu bagi Kelas Peralihan dan seorang guru Bahasa Tamil di sekolah SMK Menglembu.

Jadual 4.20: Masalah Yang Dihadapi Oleh Murid Semasa Menulis Karangan Bahasa Melayu (Komen Guru)

Guru-Guru	**Masalah-Masalah Yang Dihadapi Murid**
Guru 1	(i) Murid tidak pandai membina ayat yang betul dari segi struktur dan nahu bahasa Melayu. (ii) Murid tidak tahu mengolah isi dengan teratur dan menarik. (iii) Murid gagal menyempurnakan karangan berdasarkan jumlah perkataan yang dikehendaki. (iv) Terdapat banyak kesalahan tanda baca.
Guru 2	(i) Murid kerap melakukan kesalahan mekanis seperti ejaan dan tanda baca. (ii) Murid gagal memahami kehendak soalan menyebabkan karangan mereka mudah menyeleweng. (iii) Acapkali ada ayat yang kabur maksud dan tergantung. (iv) Gaya penulisan murid lemah kerana penguasaan bahasa dan kosa kata terbatas.

Komen guru ini mengesahkan dapatan Zulkifley Hamid *et.al.* (2000: 48) yang mengatakan bahawa murid Kelas Peralihan masih lemah dalam penguasaan bahasa Melayu khususnya dalam aspek penulisan karangan. Koh Boh Boon (1988: 180) menegaskan murid bukan Melayu di Kelas Peralihan kurang terdedah kepada penggunaan bahasa Melayu semasa mengikuti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persekolahan SRJK (T). Bahasa Melayu hanya diajarkan sebagai satu mata pelajaran, maka murid-murid memperlihat taraf penguasaan bahasa Melayu yang rendah.

Narayanan Kunchi Raman (1993: 465) turut menyokong bahawa tahap penguasaan kemahiran penulisan rendah dalam kalangan murid bukan Melayu yang mempelajari bahasa Melayu sebagai B2. Hakikat ini memang benar kerana pengkaji mendapati bahawa sampel kajian kurang menguasai kemahiran bahasa, khususnya kemahiran penulisan menerusi pengajaran formal di sekolah.

Memandangkan murid banyak menghadapi kelemahan bahasa ketika menulis karangan, maka salah satu usaha yang perlu dilakukan oleh guru bahasa Melayu ialah analisis kesalahan. Kegunaan analisis kesalahan dapat dirasai oleh guru dan pelajar B2 yang selalu melakukan kesalahan bahasa. Corder (dalam Zamri Mahamod, 2000: 611), memberikan empat kegunaan analisis kesalahan dalam P&P bahasa, iaitu:

1. P&P B2 menjadi lebih berkesan kerana pengajar dapat bersedia dengan teknik yang sesuai dan bahan pengajaran yang telah dirancangkan mengikut kecekapan sasaran murid.
2. Analisis kesalahan memberi peluang kepada guru untuk mengesan sejauh mana gangguan B1 dalam proses P&P B2 berlaku.
3. Guru dapat mengetahui bahawa kesalahan yang dibuat oleh murid bukan berlaku rambang, tetapi lebih merupakan rancangan penulisan yang tidak betul.
4. Corak pengajaran guru dapat diubahsuaikan dalam proses P&P B2 itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan 4

Sejauh manakah aktiviti membaca dan mengikuti siaran media berbahasa Melayu, serta gred keputusan penulisan karangan yang lalu mempengaruhi tahap kebolehan murid Kelas Peralihan dalam menulis karangan?

Pengkaji telah menganalisis soal selidik mengikut kumpulan tahap kebolehan murid dalam penulisan karangan; iaitu murid yang berada pada tahap kebolehan sederhana (Gred C: 41-60) dengan murid yang berada pada tahap lemah dan sangat lemah (Gred D & E: 0-40). Jadual berikut menunjukkan hasil analisis untuk kedua-dua kumpulan tersebut:

Jadual 4.21: Pendedahan Murid Terhadap Bahan Bacaan, Rancangan Televisyen, dan Siaran Radio Berbahasa Melayu (Kumpulan Tahap Sederhana, n=5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Item	Membaca Buku Cerita Bahasa Melayu	Membaca Majalah Bahasa Melayu	Membaca Akhbar Bahasa Melayu	Meminjam Buku Bahasa Melayu	Membaca Buku Teks Bahasa Melayu	Menonton Rancangan Televisyen dan Radio
Ya	4 (80%)	3 (60%)	3 (60%)	3 (60%)	2 (40%)	3 (60%)
Tidak	1 (20%)	2 (40%)	2 (40%)	2 (40%)	3 (60%)	2 (40%)
Jumlah Sampel	5 (100%)	5 (100%)	5 (100%)	5 (100%)	5 (100%)	5 (100%)

Jadual di atas menunjukkan bahawa kumpulan tahap sederhana ini lebih terdedah kepada bahan bacaan dan siaran media berbahasa Melayu. Kesemua item yang diuji ini mencapai peratus **melebihi 60% kecuali membaca buku teks Bahasa Melayu hanya mencatatkan angka 40%.** Ini besar kemungkinan terjadi kerana murid India Tamil ini lebih gemar membaca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

buku teks bahasa Tamil berbanding Bahasa Melayu. Secara keseluruhannya data menunjukkan bahawa mereka yang sering terdedah kepada bahan bacaan dan siaran media berbahasa Melayu akan mempunyai tahap kebolehan menulis dalam bahasa Melayu yang lebih baik.

Seterusnya melalui analisis soal selidik kumpulan lemah dan sangat lemah (gred D dan E), kita dapati bahawa pendedahan mereka terhadap bahan bacaan dan siaran media berbahasa Melayu **tidak melebihi 45% kecuali membaca buku teks bahasa Melayu**. Kalangan guru Kelas Peralihan menggunakan buku teks dalam bilik darjah dari masa ke masa. Perkara yang menyedihkan ialah hanya 24% daripada mereka membaca majalah berbahasa Melayu. Kurangnya pendedahan mereka kepada bahan bacaan dan media elektronik berbahasa Melayu telah menyebabkan sampel kajian lemah dalam penguasaan bahasa Melayu. Ini seterusnya menyebabkan murid Kelas Peralihan ini menghasilkan karangan pada tahap yang lemah akibat kelemahan dalam penguasaan bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.22: Pendedahan Murid Terhadap Bahan Bacaan, Rancangan Televisyen, dan Siaran Radio Berbahasa Melayu (Kumpulan Tahap Lemah & Sangat Lemah, n= 25)

Item	Membaca Buku Cerita Bahasa Melayu	Membaca Majalah Bahasa Melayu	Membaca Akhbar Bahasa Melayu	Meminjam Buku Bahasa Melayu	Membaca Buku Teks Bahasa Melayu	Menonton Rancangan Televisyen dan Radio
Ya	8 (32%)	6 (24%)	10 (40%)	10 (40%)	21 (84%)	9 (36%)
Tidak	17 (68%)	19 (76%)	15 (60%)	15 (60%)	4 (16%)	16 (64%)
Jumlah Sampel	25 (100%)	25 (100%)	25 (100%)	25 (100%)	25 (100%)	25 (100%)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tegasnya, pertalian antara menulis dan membaca adalah amat rapat. Kurangnya pendedahan murid melalui bacaan dalam bahasa Melayu akan menyebabkan mereka mengalami kemiskinan kosa kata dan istilah. Akibatnya, penguasaan perbendaharaan kata murid adalah terhad. Murid akan menghadapi kelemahan bahasa ketika menulis karangan bahasa Melayu. Penguasaan kosa kata yang sedikit akan mempengaruhi mutu hasil penulisan. Abdul Aziz Talib (2000: 331), mengatakan seseorang itu tidak mungkin menjadi penulis yang baik tanpa banyak membaca.

Hasil kajian menunjukkan bahawa murid Kelas Peralihan SMK Menglembu lemah dalam kemahiran menulis karangan jenis gambaran. Kelemahan ketara telah dikenal pasti iaitu kelemahan bahasa, kelemahan teknik mengarang, kelemahan isi, dan kelemahan dalam tulisan. Dapatan kajian ini menyokong kenyataan S. Nathesan (2003) yang mengatakan bahawa pelajar India masih belum berupaya menulis karangan mengikut format dan tidak mampu menulis mengikut jumlah perkataan yang ditetapkan.

Tom Nicholson (2005: 164) mengatakan murid-murid dari latar belakang yang mempunyai masalah tingkah laku agak pasti mempunyai masalah penulisan. Untuk mengurangi impak tingkah laku, sekolah perlu memberi keutamaan kepada proses membaca. Murid yang memulakan sesi persekolahan menengah dengan tahap kebolehan membaca yang rendah menghadapi risiko menghasilkan bahan penulisan imaginatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya ketika menganalisis gred keputusan penulisan karangan yang lalu bagi kumpulan tahap sederhana, didapati bahawa kesemua 5 orang memperoleh Gred C dalam latihan penulisan karangan baru-baru ini. Ini berbeza dengan kumpulan tahap lemah, terdapat 20 orang memperoleh gred D, manakala 5 orang yang lain memperoleh gred E. Ini menunjukkan bahawa gred keputusan sederhana yang lalu diperoleh oleh kumpulan tahap sederhana ini telah memotivasikan mereka untuk menulis karangan bahasa Melayu dengan lebih baik. Sebaliknya bagi kumpulan tahap lemah dan sangat lemah, gred keputusan karangan lalu yang tidak menggalakkan itu tidak langsung memotivasikan mereka supaya menghasilkan karangan yang lebih baik.

Dapatan kajian ini menyokong dapatan Loy In Tiau (1995). Masalah di atas menyebabkan murid gagal menghasilkan sebuah karangan yang baik. Menurut Nawi Ismail (1994: 30), masalah tersebut dapat diatasi sekiranya murid menjadikan bacaan suatu kemestian dalam kehidupan seharian. Dalam usaha memantapkan karangan murid, amalan membaca amat penting. Melalui bacaan, murid terdedah kepada isu-isu semasa dan luar. Semakin banyak murid membaca, semakin bertambah kaya maklumat yang mereka peroleh. Malangnya, sampel kajian dari sekolah SMK Menglembu rata-rata berasal dari kategori miskin. Ketika ditemu bual, kebanyakan memberitahu persekitaran rumah tidak merangsang bacaan luas. Ibu bapa tidak membeli surat khabar, majalah dan jauh sekali novel. Murid yang menghadapi masalah ketandusan idea dan tidak berusaha mengayakan penguasaan berbahasa, murid berkenaan tidak dapat mengaplikasikan teknik penulisan karangan yang berkesan. Tiada jalan singkat untuk menangani masalah ini kecuali kalangan murid membiasakan diri dengan bahan bacaan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuat catatan, dan membuat latihan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan keyakinan diri dalam penulisan karangan.

4.4 Kesimpulan

Hasil analisis terhadap penyelidikan ini telah menunjukkan bahawa tahap kebolehan murid dalam penulisan karangan gambaran adalah pada tahap lemah dan tidak menggalakkan. Ini ternyata kerana hanya beberapa sampel kajian berjaya menghasilkan penulisan pada tahap sederhana, manakala majoriti adalah pada tahap lemah dan sangat lemah. Hasil tafsiran menunjukkan bahawa kebanyakan sampel kajian lemah dalam penyampaian isi dan penguasaan bahasa kerana dipengaruhi oleh bahasa ibunda (B1) dan bahasa Melayu lisan kaum etnik Tamil.

Beberapa faktor yang menyebabkan murid lemah dalam penguasaan kemahiran menulis telah dikenal pasti. Antaranya ialah lemah dalam penguasaan bahasa, tidak dapat mengolah isi dengan menarik, dan lemah dalam aspek mekanis iaitu ejaan, tanda baca, pemerengganan, dan kebolehan tulisan tangan.

Kajian penyelidikan turut menunjukkan bahawa aktiviti membaca, mengikuti siaran radio dan televisyen berbahasa Melayu, serta gred keputusan penulisan karangan yang lalu berhubung kait dengan tahap kebolehan murid dalam menulis karangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya dalam BAB V nanti, pengkaji akan membuat rumusan mengikut soalan kajian. Pada akhir kajian ini, pengkaji telah menyarankan beberapa cara untuk mengatasi kelemahan penulisan karangan dalam kalangan murid India Tamil Kelas Peralihan. Pengkaji juga akan menyarankan beberapa cadangan untuk kajian lanjut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB V

RUMUSAN

5.0 Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kebolehan murid Kelas Peralihan dalam menulis karangan jenis gambaran, aspek-aspek kelemahan yang dilakukan oleh murid dalam kemahiran menulis karangan, punca-punca yang menyebabkan kelemahan dalam penguasaan kemahiran menulis, pengaruh aktiviti membaca, mengikuti siaran televisyen, radio, dan gred keputusan penulisan karangan yang lalu terhadap tahap kebolehan murid dalam menulis karangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji merumuskan bahawa sampel kajian lemah dalam beberapa aspek dalam kemahiran menulis karangan jenis gambaran. Antara kelemahan yang dilakukan oleh sampel kajian termasuklah kelemahan bahasa, kelemahan isi, kelemahan teknik mengarang, dan kelemahan dalam tulisan.

Prestasi keseluruhan sampel kajian dalam penulisan karangan adalah dalam tahap lemah, manakala pengolahan isi berada pada tahap sangat lemah. Dalam proses pemelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, murid-murid sentiasa mengalami pelbagai gangguan daripada bahasa ibunda yang amat berbeza daripada bahasa Melayu. Sebagai akibat keadaan tersebut, maka kalangan murid sering keliru dan melakukan kesalahan dalam pertuturan dan penulisan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keadaan ini seterusnya mempengaruhi tahap kebolehan pelajar Kelas Peralihan dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

Kualiti pengajaran terutamanya tentang pengajaran Bahasa Melayu sebagai B2 tidak menampakkan impak berkesan. Dalam hubungan ini, persoalan yang perlu diberikan perhatian ialah latihan guru untuk mengendalikan situasi pengajaran Bahasa Melayu sebagai B2. Setakat ini, belum ada program seumpama TESL (*Teaching of English as a Second Language*) untuk pengajaran bahasa Melayu baik di sekolah, maktab perguruan mahupun di fakulti pendidikan universiti tempatan.

5.1 Rumusan Aspek Kelemahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah skrip karangan dianalisis, pengkaji mendapati ada beberapa aspek kelemahan yang dominan dilakukan oleh murid. Antaranya ialah kelemahan bahasa, kelemahan teknik mengembangkan isi, isi yang kurang bernas dan kelemahan dalam tulisan.

Berdasarkan pengamatan pengkaji, pengkaji mendapati bahawa kelemahan yang paling ketara yang dihadapi oleh sampel kajian adalah kelemahan dalam aspek bahasa ketika mereka menulis. Menerusi skrip karangan yang dikutip daripada 30 orang murid, didapati tiada seorang murid pun bebas daripada masalah ini. Gejala ini berlaku kerana responden melakukan banyak kesalahan bahasa ketika menulis. Ini termasuklah kesalahan dari segi ayat yang tidak gramatis (akibat pengaruh bahasa pasar dan pengaruh bahasa ibunda (B1)), kesalahan ejaan (dipengaruhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa Melayu lisan), pemilihan kata yang kurang tepat (akibat bahasa Melayu lisan dan penterjemahan perkataan bahasa Tamil secara langsung), kesalahan penggunaan imbuhan (kerana dalam bahasa Tamil (B1) tidak mempunyai imbuhan), dan kesalahan dari aspek mekanis iaitu salah dari segi penggunaan tanda baca. Kenyataan ini sama seperti dapatan Narayanan Kunchi Raman (1993). Menurut dapatan kajian beliau, pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai B2, lazimnya tidak dapat lari daripada pengaruh bahasa ibunda pelajar (B1), terutama variasi yang dituturkan oleh pelajar itu. Pengaruh tersebut berleluasa dalam setiap aspek penulisan. Keadaan ini menyebabkan pelajar kurang menguasai kemahiran bahasa, terutamanya kemahiran menulis esei menerusi pengajaran formal di sekolah.

Kebanyakan murid tidak dapat menghasilkan ayat yang gramatis ketika mereka menulis karangan. Hal ini demikian kerana murid didapati mengalami kesulitan untuk membina ayat-ayat yang gramatis. Misalnya melalui kesalahan **KA1** (pengaruh bahasa pasar), pengkaji berpendapat bahawa kesalahan itu berlaku kerana rata-rata murid Kelas Peralihan tidak diberikan pendedahan yang secukupnya terhadap penggunaan bahasa Melayu baku. Ketika di sekolah, kalangan murid ini menggunakan bahasa Tamil sebagai wahana berkomunikasi. Di samping itu, majoriti rakan mereka terdiri daripada etnik India Tamil. Oleh itu, peluang penggunaan bahasa Melayu secara betul adalah amat terhad. Akibatnya, mereka sering menggunakan bahasa Tamil lisan dalam komunikasi mereka. Gejala tersebut terbawa-bawa ke dalam penulisan mereka ketika mereka mengarang karangan bahasa Melayu.

Berpandukan input data KA3 (Struktur bahasa Tamil), telah berlaku **pemindahan hukum D-M (Diterangkan-Menerangkan)** daripada bahasa Tamil kepada bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Unsur yang **diterangkan** berfungsi sebagai inti dalam bahasa Melayu dan perlu hadir pada kedudukan pertama. Unsur **menerangkan** berfungsi sebagai keterangan yang hadir pada kedudukan selepas unsur diterangkan. Sampel kajian meletakkan susunan kata yang penerangnya mendahului kata yang diterangkan. Oleh yang demikian, pemindahan hukum D-M secara langsung daripada sistem tatabahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu menimbulkan kesalahan sintaksis.

Satu lagi kelemahan bahasa yang kerap dilakukan oleh sampel kajian ialah berhubung dengan ketidaktepatan dalam mengeja sesuatu perkataan. Pertama, kesalahan ini berlaku disebabkan kecuaian murid sendiri. Kedua, mereka sememangnya tidak mengetahui ejaan yang betul mengikut sistem ejaan baku. Tidak dapat disangkal bahawa murid sememangnya melakukan kesalahan tanda baca dengan tidak sengaja, tetapi faktor ini tidak menonjol. Pengkaji mentafsirkan sebegitu kerana didapati bahawa banyak kesalahan yang sampel kajian lakukan itu dipengaruhi oleh sebutan bahasa Melayu lisan. Cara perkataan tersebut dieja atau ditulis berdasarkan cara sebutan. Justeru, cara menyebut perkataan yang tidak menurut sebutan baku itu mempengaruhi cara murid menulis atau mengeja sesuatu perkataan.

Kesalahan-kesalahan yang dilakukan itu agak ketara. Kategori kesalahan ini merangkumi kesalahan ejaan yang dipengaruhi oleh bahasa Melayu lisan **(KE1)**, kesalahan ejaan yang tidak tepat dipengaruhi oleh kecuaian murid **(KE2)**, dan kesalahan ejaan yang tidak tepat tetapi hanya dapat diketahui maksudnya melalui konteks ayat yang dihasilkan dalam karangan murid **(KE3)**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui penelitian item kesalahan yang terdapat di **KE1**, didapati bahawa pengaruh bahasa Melayu lisan adalah punca berlakunya kesalahan ejaan. Cara menyebut perkataan yang tidak betul dalam bahasa Melayu menyebabkan cara perkataan tersebut ditulis kerana perkataan itu dieja menurut sebutan bahasa Melayu lisan.

Didapati bahawa pemilihan kata dalam kalangan sampel kajian juga kurang tepat. Secara keseluruhan, dapatlah dikatakan bahawa penguasaan leksikon dalam kalangan murid-murid Tamil dalam mata pelajaran Bahasa Melayu amat terbatas. Sebagai alternatif, untuk menyelesaikan masalah tersebut, murid sering memilih perkataan yang tidak tepat untuk menyampaikan sesuatu maksud. Terdapat empat aspek kesalahan yang sering dilakukan oleh sampel kajian. Aspek kesalahan tersebut dapat dikategorikan seperti kesalahan penggunaan kata yang tidak tepat **(KK1)**, kesalahan penggunaan kata bahasa Melayu lisan **(KK2)**, penterjemahan perkataan bahasa Tamil secara langsung **(KK3)**, dan kesalahan penggunaan kata dari aspek semantik **(KK4)**.

Justeru, jelas menunjukkan bahawa murid-murid mempunyai idea tertentu tetapi mereka tidak berupaya menghuraikannya secara jelas dan tepat kerana penguasaan kosa kata mereka terhad. Implikasinya, mereka tidak dapat menggunakan perkataan yang sesuai dalam bahasa Melayu. Sebagai jalan penyelesaian, mereka cuba memindahkan kebiasaan fitur kata bahasa ibunda atau bahasa lisan ke dalam bahasa Melayu formal dengan sewenang-wenangnya. Oleh itu, maka wujudlah proses **pemindahan bahasa (KK3)** yang sering dilakukan oleh murid bukan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada skrip karangan murid-murid, beberapa kesalahan penggunaan imbuhan dalam bahasa Melayu telah dapat dikesan, iaitu tidak menggunakan atau mengabaikan penggunaan imbuhan **(KI 1)** dan penyalahgunaan imbuhan **(KI 2)**.

Sementara itu, murid-murid tidak tahu atau masih keliru tentang kedudukan huruf besar dan huruf kecil yang sepatutnya digunakan dalam penulisan bahasa Melayu. Pengkaji berpendapat ini mungkin disebabkan oleh pengaruh bahasa ibunda. Dalam bahasa Tamil tidak ada penggunaan huruf besar atau huruf kecil dalam penulisan. Oleh itu, gejala ini telah dipindahkan ke dalam bahasa Melayu ketika mereka menulis karangan bahasa Melayu.

Berkenaan dengan kesalahan penggunaan tanda baca, pengkaji mentafsirkan kesalahan-kesalahan tersebut berlaku kerana murid masih tidak mahir dalam penggunaan tanda baca. Pengkaji mengatakan sedemikian kerana sampel kajian menggunakan tanda baca yang salah ataupun mengabaikan penggunaan tanda baca yang betul mengikut konteks ayat.

5.2 Rumusan tentang masalah yang kerap dihadapi oleh murid dalam penulisan karangan

Tujuh jenis masalah yang kerap dihadapi oleh murid termasuklah:

1. Kesukaran memikirkan isi relevan.
2. Tiada isi yang mencukupi.
3. Tidak dapat mengolah isi karangan dengan menarik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Gagal menggambarkan kehendak soalan.
5. Tidak menguasai tatabahasa Melayu.
6. Tidak dapat menguasai teknik penulisan.
7. Banyak kesalahan mekanis.


5.3 Cadangan ke arah mengatasi kelemahan menulis karangan dalam kalangan murid India Kelas Peralihan

1. Murid perlu menjadikan bacaan suatu kemestian dalam kehidupan seharian.
2. Persekitaran rumah perlu merangsang bacaan luas.
3. Murid perlu membuat catatan apabila guru mengajar.
4. Murid perlu membuat latihan penulisan lebih kerap.
5. Ibu bapa boleh membelikan surat khabar, majalah atau bahan sastera.
6. Untuk mendapatkan gerak balas murid, mereka perlu diberi motivasi.
7. Murid perlu digalakkan mengikuti siaran media elektronik berbahasa Melayu.
8. Guru harus melaksanakan pengajaran melalui pendekatan proses.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Rumusan Model Kajian



Rajah 5.1 Rumusan Model Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Langkah mengatasi masalah penulisan

Dalam konteks P&P bahasa terutama B2, analisis kesalahan dapat dilakukan bagi mengurangi masalah **pemindahan bahasa** dalam kalangan murid bukan Melayu. Terdapat lima cara membuat analisis kesalahan bagi mengurangi kemelut pemindahan bahasa, iaitu pengenalan, pentafsiran, pembinaan semula, pengelasan, dan penjelasan.

i. Pengenalan

Hasil kajian menunjukkan bahawa kesalahan murid dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu berpunca daripada kesalahan kemampuan, dan kedua berpunca daripada kesalahan penampilan.

Kesalahan kemampuan ialah kesalahan yang berkaitan dengan pengetahuan murid tentang B2. Murid belum dapat menghayati peraturan tatabahasa dalam B2. Terdapat banyak gangguan bahasa ibunda (B1), bahasa sasaran (B2), dan faktor sosiolinguistik. Kesalahan kemampuan menyebabkan murid menggunakan B1 untuk menerangkan suatu perkara dalam B2. Keadaan ini dapat dilihat dalam Jadual 4.11 yang menunjukkan bahawa murid membina ayat yang tidak gramatis gara-gara terjemahan secara langsung bahasa ibunda. Kesalahan kemampuan menggalakkan pemindahan bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesalahan penampilan melibatkan kesalahan yang dibuat oleh penutur asli sebagai akibat keletihan, terkejut, dan tekanan. Murid bukan Melayu yang mempelajari bahasa Melayu sebagai B2 mengalami kesusahan untuk menerangkan sesuatu perkara dalam B2 tersebut. Akibatnya, mereka terpaksa menggunakan B1 sebagai pilihan singkat untuk menyelesaikan masalah berkenaan. Proses ini turut menyebabkan berlakunya pemindahan bahasa daripada B1 ke B2.

ii. Pentafsiran

Selepas mengenal ayat yang mengandungi kesalahan, guru bahasa perlu membuat tafsiran yang munasabah tentang ayat yang mengandungi kesalahan tersebut. Bagi ayat yang mengandungi kesalahan nyata, guru bahasa dapat merujuk pada bahasa ibunda (B1) murid dengan membuat terjemahan rasional. Teks penulisan murid perlu diterjemahkan secara harfiah supaya makna tersurat dapat difahami secara mudah dan jelas. Apabila maksud ayat dapat dikesan, guru bahasa berkenaan hendaklah menyampaikan maksud ayat murid tersebut dalam bahasa sasaran (B2) yang dipelajarinya.

Guru bahasa hendaklah merujuk terus kepada murid untuk membaiki ayat berkesalahan semantik. Langkah ini dapat membantu guru membaiki kelemahan bahasa muridnya ketika mempelajari bahasa yang berkenaan. Secara tidak langsung, kesalahan murid tersebut sedikit sebanyak dapat diatasi pada peringkat awal lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Pembinaan Semula

Setelah pentafsiran dibuat, guru bahasa harus membina semula ayat yang mengandungi kesalahan bahasa, umpamanya B1 dan B2 yang bercampur aduk, supaya perbandingan dapat dilakukan. Semasa membuat pembinaan semula, beberapa aspek perlu diberikan perhatian dan diambil kira sekiranya guru bahasa tidak mahu kesalahan pelajar terutama yang berkaitan dengan pemindahan B2 ke dalam B1 telah berlaku. Empat kriteria yang perlu dalam pembinaan semula suatu ayat yang mengandungi kesalahan ialah:

(a) Konteks ayat tersebut supaya sesuai dari segi penggunaan.

(b) Faktor umur, cara pemelajaran, bahasa ibunda dan pendedahan B2.

(c) Pengetahuan penyelidikan tentang bahasa ibunda murid untuk mengetahui sama ada murid membuat terjemahan secara langsung atau tidak.

